



KERATAN AKHBAR ISU-ISU INTEGRITI TAHUN 2026 (FEBRUARI)



UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU





HARIAN METRO
01.02.2026
(AHAD)

Oleh Nurhanim Osman
nurhanim.os-
man@bh.com.my

Kuala Lumpur

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyenaraikan lima negeri iaitu Johor, Selangor, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak sebagai 'lombong emas' agensi itu.

Ketua Pesuruhjayanya, Tan Sri Azam Baki berkata, istilah 'lombong emas' itu merujuk kepada negeri yang memerlukan fokus kepada isu ekonomi dan rasuah yang memerlukan campur tangan strategik dalam usaha membantu negara untuk menuju ke arah berpendapatan tinggi.

"Istilah 'lombong emas' ini bukan bermaksud kita mahu tangkap orang, tetapi kita mahu melihat isu ekonomi dan isu rasuah yang perlu kita bantu selesaikan.

"Saya dah sebut sebelum

ini bahawa peranan SPRM dalam hal kita mencegah rasuah ini sebenarnya untuk membantu mengembangkan ekonomi kita menjadi negara berpendapatan tinggi (*to become a high income nation*) satu hari nanti.

"Pakar-pakar kata tak lama dah, (sasaran itu di-

jangka dapat dicapai) pada 2030 nanti," katanya ketika menjadi tetamu Podcast Kolar Hitam bertajuk 'Azam 2026 Membawa SPRM Berani & Radikal' yang disiarkan di YouTube SPRM, semalam.

Sebelum ini, Azam mengumumkan Pelan Strategik SPRM 2026-2030 yang

berteraskan pe-
merkasaan
penguatkua-
saan berke-
saan, pence-
gahan rasuah
yang menye-
luruh dan pe-
ngurusan
yang efektif.

Beliau dilaporkan berkata, setiap



Azam Baki

5 NEGERI DISENARAI 'LOMBONG EMAS' SPRM

Istilah merujuk kepada negeri perlukan fokus isu ekonomi, rasuah dan memerlukan campur tangan strategik

ngikut geografi, budaya serta ekosistem ekonomi setempat.

Dalam pada itu, Azam memberi amaran kepada semua pengarah SPRM di peringkat negeri untuk menggunakan pemikiran kreatif dan berkesan dalam melaksanakan tugas, bukan sekadar bergantung kepada kaedah rutin.

"Ambil contoh di Kelantan...kalau pengarah tidur, saya pastikan dia kerja 36 jam kerana isu di sana adalah sempadan, pencerobohan hutan dan mineral, yang perlu ditangani.

"Kalau masih buat kerja rutin sama seperti tangkapan kecil di tepi jalan, itu menunjukkan kita (SPRM) tidak efektif," katanya.



SINAR HARIAN
02.02.2026
(ISNIN)

SPRM beku akaun RM1 juta, sita RM170,000

PUTRAJAYA - Dua akaun bank bernilai RM1 juta dibekukan manakala wang tunai kira-kira RM170,000 disita susulan siasatan isu pengurusan sisa elektronik (e-waste) membabitkan empat individu.

Menurut sumber, siasatan dijalankan Bahagian Siasatan SPRM bermula sejak 19 Januari lalu membabitkan Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Timbalan Ketua Pengarah JAS, Penolong Pegawai JAS serta seorang awam.

"Setakat ini SPRM membekukan satu akaun syarikat bernilai kira-kira RM700,000.

"Selain itu, satu lagi akaun perbankan milik individu turut dibekukan membabitkan nilai anggaran kira-kira RM300,000," katanya.

Dalam siasatan sama, beliau berkata, SPRM turut menyita wang tunai RM170,000.

"Siasatan SPRM kini menjurus kepada dakwaan salah guna kuasa dan rasuah.

"Ia berkaitan tidak mengambil tindakan

penguatkuasaan terhadap syarikat pengurusan buangan terjadual yang terlibat dengan aktiviti pelupusan bahan buangan secara haram," katanya.

Sebelum ini, tiga daripada mereka ditahan reman tujuh hari sehingga Khamis depan manakala seorang lagi individu direman tiga hari yang berakhir Ahad.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Zainul Darus ketika dihubungi mengesahkan perkara tersebut.

Beliau berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

Dalam perkembangan lain, SPRM Pulau Pinang akan memanggil beberapa individu bagi membantu siasatan berhubung kes

salah guna kuasa membabitkan seorang pegawai kanan kerajaan negeri dalam urusan pembelian tanah menggunakan dana zakat.

Pengarahnya, Datuk S Karunanithy yang ditemui selepas mengadakan lawatan sempena sambutan Thaipusam di Jalan Kebun Bunga di sini pada Ahad berkata, ia bertujuan untuk melengkapkan kertas siasatan dan menjalankan siasatan lanjut.

Terdahulu, SPRM Pulau Pinang membuka kertas siasatan berhubung salah guna kuasa membabitkan seorang pegawai kanan

kerajaan negeri dalam urusan pembelian tanah menggunakan dana zakat.

Kertas siasatan dibuka susulan pendedahan dilakukan seorang



ZAINUL



BERITA HARIAN 02.02.2026 (ISNIN)

SPRM beku akaun individu, syarikat bernilai RM1 juta

Siasatan jurus dakwaan salah guna kuasa, rasuah berkait penguatkuasaan urus e-waste

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilah_hafiz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah membekukan akaun syarikat dan akaun milik individu dianggarkan bernilai RM1 juta berkaitan siasatan pengurusan sisa elektronik (*e-waste*) membabitkan pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Sitaan difahamkan membabitkan akaun syarikat bernilai kira-kira RM700,000, manakala akaun milik individu bernilai kira-kira RM300,000.

Bahagian Siasatan SPRM turut menyita wang tunai berjumlah kira-kira RM170,000.

BH juga difahamkan, sitaan

berkenaan tidak membabitkan akaun pegawai tertinggi yang ditahan SPRM, baru-baru ini.

Pengarah Kanan Bahagian Siasatan, Datuk Zainul Darus ketika dihubungi mengesahkan perkara itu dan berkata, kes disiasat di bawah Sesyen 16 Akta SPRM 2009.

Sementara itu, BH difahamkan, siasatan SPRM ketika ini juga menjurus kepada dakwaan salah guna kuasa dan rasuah berkaitan penguatkuasaan terhadap syarikat pengurusan *e-waste*.

Tidak ambil tindakan

Ini kerana difahamkan, pegawai-pegawai jabatan itu dikatakan menerima rasuah untuk tidak mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas syarikat pengurusan buangan terjadual yang terbabit dengan aktiviti pelupusan bahan buangan secara haram.

Jumaat lalu, Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan penolong pegawai JAS ditahan reman tujuh hari hingga Khamis depan manakala seorang lagi orang awam direman selama tiga hari sehingga semalam.



Ketua Pengarah JAS dan timbalannya keluar dari Mahkamah Majistret selepas permohonan perintah reman di Putrajaya, Jumaat lalu.



BERITA HARIAN 02.02.2026 (ISNIN)

Beberapa lagi individu dipanggil kes dana zakat

Georgetown: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang akan memanggil beberapa lagi individu berhubung dakwaan penyalahgunaan kuasa membabitkan seorang pegawai kanan kerajaan negeri berkaitan dana zakat di negeri ini.

Pengarah SPRM Pulau Pinang, Datuk S Karunanithy, berkata pihaknya akan merakamkan keterangan individu berkenaan bagi membantu siasatan.

"Kita akan panggil beberapa lagi individu. Jadi saya tidak akan mengulas lanjut kerana SPRM sedang menjalankan siasatan terperinci," katanya ketika ditemui pada sambutan Thalpusam di Jalan Air Terjun di sini semalam.

Terdahulu, beliau melawat ke Thaneer Panthal sempena sambutan itu dengan 182 gerai berhias di sepanjang jalan sejauh dua kilometer menuju ke kuil.

SPRM Pulau Pinang sebelum ini mengesahkan membuka kertas siasatan berhubung dakwaan salah guna kuasa itu susulan pendedahan seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) hujung tahun lalu.

Dapatkan dokumen

SPRM memaklumkan, pasukan siasatan sudah ke beberapa pejabat berkaitan bagi mendapatkan dokumen, selain turut merakamkan percakapan dua individu dipercayai berkait dalam

kes itu.

Kelmarin, Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow, berkata kerajaan negeri memberi ruang sepenuhnya kepada SPRM untuk menjalankan siasatan secara bebas dan tidak akan campur tangan atau menjalankan siasatan dalaman berhubung perkara itu.

BERNAMA



Karunanithy





HARIAN METRO
02.02.2026
(ISNIN)

e-waste: SPRM beku dua akaun RM1 juta

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membekukan dua akaun bernilai kira-kira RM 1 juta berkaitan isu pengurusan sisa elektronik (e-waste).

Ia membabitkan ketua pengarah, timbalan ketua pengarah, seorang penolong pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan orang awam.

Sumber berkata, siasatan dijalankan Bahagian Siasatan SPRM bermula sejak 19 Januari lalu itu turut menyita wang tunai berjumlah kira-kira RM170,000.

"Setakat ini SPRM sudah membekukan satu akaun syarikat bernilai kira-kira RM700,000 dan satu lagi akaun milik individu bernilai kira-kira RM300,000.

Beku satu akaun RM700,000, satu lagi akaun individu RM300,000

Kenyataan SPRM

"Pada masa sama, siasatan SPRM kini menjurus kepada dakwaan salah guna kuasa dan rasuah berkaitan tidak mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas syarikat pengurusan buangan terjadual yang terbabit dengan aktiviti pelupusan bahan buangan secara haram," katanya.

Kelmarin, Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan penolong pegawai JAS ditahan reman selama tujuh hari hingga Khamis ini, manakala seorang lagi orang awam direman selama tiga hari sehingga Ahad ini.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan, Datuk Zainul Darus ketika dihubungi mengesahkan perkara berkenaan dan memaklumkan kes disiasat mengikut Sesyen 16 Akta SPRM 2009.

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU





HARIAN METRO
02.02.2026
(ISNIN)

Individu kes salah guna kuasa dana zakat dipanggil

George Town: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang akan memanggil beberapa lagi individu berhubung dakwaan penyalahgunaan kuasa membabitkan seorang pegawai kanan kerajaan negeri berkaitan dana zakat.

Pengarah SPRM Pulau Pinang Datuk S Karunanithy berkata, pihaknya akan merakamkan keterangan individu tersebut bagi membantu siasatan.

"Kita akan panggil beberapa lagi individu dan saya tidak akan mengulas lanjut kerana SPRM sedang menjalankan siasatan terperinci," katanya ketika ditemui pada sambutan Thaipusam di Jalan Air Terjun di sini, semalam.

Terdahulu, beliau melawat ke Thaneer Panthal sempena sambutan itu dengan terdapat 182 gerai berhias di sepanjang jalan sejauh dua kilometer me-

nuju ke kuil.

SPRM Pulau Pinang sebelum ini mengesahkan membuka kertas siasatan berhubung dakwaan salah guna kuasa itu susulan pendedahan oleh seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) hujung tahun lalu.

SPRM memaklumkan pasukan siasatan sudah ke beberapa pejabat berkaitan bagi mendapatkan dokumen selain turut merakamkan percakapan dua individu dipercayai berkait dalam kes itu.

Kelmarin, Ketua Menteri Pulau Pinang Chow Kon Yeow berkata, kerajaan negeri memberi ruang sepenuhnya kepada SPRM untuk menjalankan siasatan secara bebas dan tidak akan campur tangan atau menjalankan siasatan dalaman berhubung perkara berkenaan.

"Kita akan panggil beberapa lagi individu dan saya tidak akan ulas lanjut kerana SPRM sedang menjalankan siasatan"

Pengarah SPRM Pulau Pinang, Datuk S Karunanithy

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU





HARIAN METRO
03.02.2026
(SELASA)

Bernama

Melaka

BEKAS PENGURUS BANK RASUAH DIDENDA

Duit masuk ke akaun adik

Seorang bekas pengurus jualan sebuah bank didenda RM210,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah atas 20 pertuduhan pilihan menerima suapan berjumlah RM211,636 antara Mei 2018 hingga September 2022.

Mohamad Faqih Mustapha, 37, mengaku bersalah sebaik pertuduhan dibaca jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Dia dituduh menerima antara RM880 hingga RM16,723, yang dimasukkan ke dalam akaun bank adik perempuannya menerusi 19 transaksi dan satu transaksi ke dalam akaun banknya sendiri sebagai upah kerana membantu firma-firma guaman memperoleh rujukan kes pinjaman perumahan dengan sebuah bank semasa bertugas sebagai pengurus jualan.

Lelaki itu tidak melaporkan tanpa halangan munasabah pemberian suapan kepada pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau pegawai polis sebagaimana dikehendaki di bawah Seksyen 25(1) Akta SPRM 2009.

Kesalahan didakwa dilakukan di sebuah bank di Graha Peladang, Jalan Hang Tuah di sini, antara Mei 2018 hingga September 2022 dan pertuduhan mengikut Seksyen 25(2) akta sama yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara maksimum 10 tahun atau kedua-duanya.

Peguam Azrul Zulkifli Stork memohon mahkamah mengenakan hukuman denda minimum bagi setiap pertuduhan pilihan itu memandangkan ia kesalahan pertama dilakukan dan tertuduh telah insaf dengan perbuatannya selain tidak mempunyai pekerjaan tetap ketika ini.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya Sharina Farhana Nor Sa'ari memohon mahkamah mengenakan hukuman setimpal terhadap tertuduh.

Mohamad Faqih kemudian diperintahkan membayar denda RM210,000, jika gagal boleh dikenakan hukuman penjara antara dua hingga empat bulan bagi setiap pertuduhan. Dia membayar denda berkenaan.

Mahkamah turut memerintahkan wang jaminan tertuduh berjumlah RM87,000 dipulangkan.



HARIAN METRO
03.02.2026
(SELASA)

Oleh Audrey Dermawan
am@hmetro.com.my

Georgetown

Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAI-NPP), Datuk Dr Mohamad Abdul Hamid enggan mengulas dakwaan yang dilemparkan terhadapnya dengan menyatakan beliau tidak mahu mengganggu siasatan yang sedang dijalankan.

Mohamad yang juga Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang berkata, beliau akan menahan diri daripada membuat ulasan peribadi mengenai perkara itu namun menegaskan kesediaannya untuk memberi kerjasama penuh kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Seperti yang dinyatakan sebelum ini, saya bersedia memberikan kerjasama penuh kepada SPRM. Saya tidak berniat

'Saya tidak mahu mengganggu siasatan'

Yang Dipertua MAIPP enggan ulas isu berkaitan pembelian tanah guna dana zakat babit pegawai kanan kerajaan negeri

mencampuri urusan siasatan dan saya amat mempercayai ketelusannya," katanya kepada New Straits Times semalam.

SPRM sebelum ini dilaporkan sedang menyiasat kemungkinan berlaku salah guna kuasa oleh seorang pegawai kanan kerajaan Pulau Pinang berkaitan pembelian tanah menggunakan dana zakat.

Siasatan dimulakan selepas seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) membangkitkan isu berkenaan dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri

pada akhir tahun lalu.

Pengarah SPRM Pulau Pinang, Datuk S Karunanithy berkata, siasatan itu bertujuan mengesahkan perkara terbabit dan menentukan sama ada terdapat sebarang unsur salah laku atau isu berkaitan tadbir urus.

Mohamad menyifatkan dakwaan terbaharu terhadapnya sebagai bermotifkan politik dengan mendakwa ia bertujuan menjatuhkan kedudukannya meskipun beliau berusaha membangun dan memperkasakan syiar Islam di

Pulau Pinang.

"Ini semua adalah politik. Mereka mahu menjatuhkan saya kerana saya telah membangunkan Islam di Pulau Pinang," katanya.

Setakat ini, Mohamad belum dipanggil pihak SPRM.

Kelmarin, Karunanithy dilaporkan berkata, SPRM akan merakam kenyataan daripada beberapa individu memandangkan siasatan terhadap dakwaan salah guna dana zakat yang membabitkan pegawai kanan kerajaan negeri itu semakin dipergiat.

Kenyataan Mohamad itu menyusul di tengah-tengah desakan PAS Pulau Pinang yang menuntut peletakan jawatan serta-merta beliau atas dakwaan kronisme, nepotisme dan salah guna kuasa dalam pengurusan institusi agama Islam di negeri itu.

Dalam satu kenyataan, Ketua Penerangan PAS Pulau Pinang, Muhammad Fawwaz Mohamad Jan berkata, dakwaan itu membabitkan penyalahgunaan kuasa dan amanah pelantikan yang tidak adil dalam institusi di ba-

wah seliaan Mohamad.

Parti Islam itu menegaskan isu terbabit melangkai urusan pentadbiran kerana ia amanah awam serta pengurusan dana zakat dan wakaf yang bernilai jutaan ringgit.

"Terdapat pemusatan kuasa membuat keputusan yang melampau serta kegagalan memastikan tadbir urus yang telus dan adil, yang mencalarakan imej Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan menimbulkan kegelisahan dalam kalangan umat Islam.

"Oleh itu, kami menggesa Mohamad meletak jawatan daripada semua jawatan berkaitan pentadbiran dan kepimpinan institusi agama Islam. Ini akan membantu mengembalikan keyakinan orang awam dan membolehkan siasatan telus dilakukan tanpa pengaruh politik.

"Institusi Islam tidak seharusnya digunakan sebagai alat kepentingan peribadi atau politik," katanya.

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU





BERITA HARIAN
03.02.2026
(SELASA)

SPRM 'intai' salah laku dan ketirisan pengurusan di DBKL

Ketiadaan jawatankuasa pantau kontrak bernilai tinggi antara kelemahan yang dikesan

Oleh Tiah Hafiz Azir
tiah_hafiz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pengurusan dan pemantauan pelbagai kontrak oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), termasuk pengalihan lesen perniagaan dilihat lemah dan 'murdur', tidak sebanding dengan pelbagai pembangunan dan pengkaji-afan yang diterima bandar raya ini.

Kelemahan yang ketara dan 'tersembunyi' itu dikhuatiri membuka ruang dan risiko penyelewengan serta salah laku rasuah, sama ada dalam kalangan penguat kuasa atau pihak pihak berkepentingan.

BH difahamkan, antara kelemahan dikesan adalah tiada jawatankuasa pemantau diwujudkan DBKL untuk melaksanakan pemantauan sejurus kontrak bernilai tinggi dan bagi tempoh lama diserahkan kepada pihak tertentu terutama syarikat swasta.

Antara maklumat diperolehi BH adalah mengenai sebuah syarikat ternama yang dilantik melaksanakan kerja bersaji pemantauan lesen perniagaan dikeluarkan DBKL, yang disyorkan tidak dipantau oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) itu sendiri.

Kondisi itu menyebabkan prestasi dan apa yang dilakukan syarikat berkenaan selama diberi tanggungjawab itu tidak diketahui PBT terbabit.

BH juga difahamkan, bayaran dikeluarkan kepada syarikat yang turut tersenarai dalam program pembangunan Greater Kuala Lumpur (Greater KL) itu dibuat tanpa pengesahan pelaksanaan perkhidmatan mereka.

Kelemahan berkenaan seolah-olah tiada sistem berkesan dilaksanakan PBT DBKL yang membuka ruang kepada ketirisan disebabkan tiada pihak diberi tanggungjawab menilai prestasi dan tindakan dalam projek yang diamngersahkan kepada pihak ketiga.

Mengulas perkara itu, Suro

SPRM mengesan tiada garis panduan yang digunakan oleh DBKL untuk membuat pengesahan pelaksanaan bancia sebelum syor pembayaran dibuat

Azmi Kamaruzzaman,
Timbalan Ketua Pesuruhjaya
(Pencegahan) SPRM



Penjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengkritik wujud kelemahan tatakelola yang perlu dibetulkan sepenuhnya oleh DBKL.

Sebutkan perincian

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Azmi Kamaruzzaman, memberitahu BH, kelemahan itu dikesan hasil semakan pelbagai perjanjian di antara DBKL dan syarikat dilantik menguruskan projek dan perkhidmatan bawah PBT itu.

Beliau memberi contoh satu perjanjian diuruskan Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Perniagaan (JPPP) DBKL, berkaitan pengurusan dan pemantauan kontrak perkhidmatan pengurusan pelbagai lesen perniagaan yang diuagserahkan kepada sebuah syarikat.

Perjanjian itu mempunyai kelemahan aspek sistem dan tatakelola. Paling jelas, SPRM mengesan tiada lantikan jawatankuasa pemantau dibuat bagi memantau pelaksanaan perkhidmatan dan prestasi kontraktor.

"Malah SPRM mengesan tiada garis panduan yang digunakan oleh DBKL untuk membuat pengesahan pelaksanaan bancia sebelum syor pembayaran dibuat," katanya.

Ditanya adakah kelemahan berkenaan boleh memulau ruang kepada aktiviti rasuah, Azmi percaya ia boleh berlaku.

"Terdapat banyak kes rasuah yang disiasat oleh SPRM membabitkan DBKL dan sekiranya peluang dan ruang ini dikambus sepenuhnya, sukar untuk pihak-pihak tertentu ambil kesempatan.

"Sitasi ini sebenarnya tidak sepatutnya terjadi dalam sebuah badan awam yang sangat besar

dan berpengaruh seperti DBKL kerana ia boleh menjadi punca penyelewengan dan salah laku rasuah," katanya.

Azmi juga mengesahkan situasi tatakelola dalam DBKL, dilaksanakan SPRM ketika ini dan beliau sangat mengahrgai kerjasama diberikan PBT itu yang menyatakan komitmen menambatkan kelemahan dikesan oleh Bahagian Penyiasatan Tatakelola.

Untuk rekod, beberapa kes rasuah membabitkan pegawai DBKL disiasat SPRM dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini membabitkan pelbagai dakwaan termasuk pemberian permit, perlindungan operasi premis serta perolehan projek.

Antara kes berprofil tinggi ialah sabitan, hukuman penjara dan denda dikenakan ke atas seorang bekas pegawai kanan DBKL yang didapati menerima suapen bagi membantu meluluskan permit kerja kepada kontraktor.

Pada pertengahan 2024 pula, SPRM menahan beberapa individu, termasuk seorang pegawai kanan DBKL, disyaki menerima suapen bulanan daripada premis hiburan dan pusat perniagaan bagi mengelakkan tindakan pengusirkuasaan.

Dalam kes berasingan, sejumlah akaun bank serta aset bernilai puluhan juta ringgit dibekukan bagi membantu siasatan berkaitan perolehan projek teknologi maklumat (IT) yang diperolehi membabitkan pegawai kanan pihak berkuasa tempatan itu.

Selain itu, beberapa anggota penguat kuasa DBKL turut ditahan bagi membantu siasatan kes menerima rasuah sebagai balasan tidak mengambil tindakan terhadap premis yang melanggar peraturan.



UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU





SINAR HARIAN
05.02.2026
(KHAMIS)

NRES tubuh jawatankuasa khas teliti SOP penguatkuasaan JAS

Ia susulan penahanan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan penolong pegawai JAS berkaitan isu pengurusan e-waste

Oleh KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

SHAH ALAM – Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) bakal menubuhkan satu jawatankuasa khas atau task force di peringkat kementerian dalam masa terdekat bagi meneliti secara menyeluruh prosedur operasi standard (SOP) penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Cadangan itu dikemukakan susulan pendedahan kes penahanan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan seorang penolong pegawai JAS oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada minggu lalu, berkaitan siasatan isu pengurusan sisa elektronik (e-waste).

Timbalan Menteri NRES, Syed Ibrahim Syed Noh berkata, penubuhan jawatankuasa khas itu bertujuan memastikan sebarang kelompangan dalam sistem penguatkuasaan dapat dikenal pasti dan ditutup, selain mengukuhkan semula prinsip integriti serta tindakan dalam agensi penguat kuasa alam sekitar negara.

Menurut beliau, dalam mana-mana sistem penguatkuasaan, kewujudan lompang adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan, namun ia menuntut penambahbaikan berterusan agar ruang salah guna kuasa, rasuah dan kelemahan pelaksanaan undang-undang dapat diminimumkan.

"Kita akan buat pemeriksaan yang teliti, termasuk melihat semula SOP sedia ada, sama ada ia benar-benar sesuai, mencukupi dan dilaksanakan dengan betul.

"Daripada situ, kita akan kenal pasti di mana kelemahannya dan apa yang perlu diperbaiki," katanya dalam sesi wawancara khas bersama Sinar Harian di pejabatnya di



Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah JAS antara dituduh susulan dikaitkan dengan skandal e-waste pada minggu lalu.

Putrajaya pada Selasa.

Pada Khamis minggu lalu, Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah JAS ditahan sekitar jam 6.30 petang selepas hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

Difahamkan, siasatan SPRM kini menumpukan kepada dakwaan salah guna kuasa dan rasuah berkaitan pengurusan e-waste yang dipercayai berlaku dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini.

Penahanan mereka disahkan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki.

Sebelum itu, bekas ahli lembaga pengarah syarikat pelupusan e-waste warga China didakwa di Mahkamah Sesyen Seremban pada Khamis atas pertuduhan memberi rasuah RM50,000 kepada pegawai JAS.

Terdahulu, SPRM mencadangkan moratorium sementara selama enam bulan bagi menilai kesan sebenar terhadap negara berkaitan kemasukan sisa plastik dan sampah elektronik (e-waste).

Tempoh enam bulan itu dicadangkan sebagai langkah percubaan untuk melihat implikasi sebenar terhadap ekonomi, alam sekitar serta sistem penguatkuasaan negara.

Tak boleh biar lumpuh

Dalam pada itu, Syed Ibrahim menegaskan hasil dapatan jawatankuasa khas itu juga akan didedahkan kepada umum kelak, bagi memastikan langkah pembetulan dapat dibuat secara telus dan berkesan.

Mengenai kebimbangan terhadap kelangsungan operasi JAS susulan pendakwaan beberapa pegawai teringgitnya, Ahli Parlimen Ledang itu menegaskan bahawa fungsi dan peranan jabatan itu tidak boleh terhenti, khususnya dalam aspek kelulusan teknikal dan penguatkuasaan undang-undang alam sekitar.

"Kita tidak boleh membiarkan jabatan lumpuh hanya kerana wujud kes yang sedang melalui proses undang-undang.

"Operasi mesti diteruskan, dan sebab itu pemangku Ketua Pengarah telah dilantik bagi memasti-

kan segala urusan berjalan seperti biasa," katanya.

Menurut Syed Ibrahim, pelantikan pemangku Ketua Pengarah daripada kalangan Timbalan Ketua Pengarah JAS membolehkan semua kuasa dan fungsi penting diteruskan, termasuk kelulusan laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar yang kritikal kepada kelangsungan projek dan perlindungan alam sekitar.

Berdasarkan satu surat rasmi dilihat Sinar Harian, NRES melalui Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Dr Ching Thoo Kim telah mengarahkan pelantikan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JAS, Azuri Azizah Saedon untuk menanggung tugas Ketua Pengarah JAS.

Azuri Azizah bakal menjalankan tugas memangku jawatan berkenaan untuk tempoh 30 Januari sehingga 31 Julai 2026 atau sehingga perjawatan itu diisi lebih awal.

Bukan di bahu JAS sahaja

Syed Ibrahim turut menegaskan isu pengurusan sisa elektronik atau e-waste tidak boleh diletakkan sepenuhnya di bahu JAS semesta-mata kerana ia melibatkan pelbagai pihak dan agensi lain, termasuk aspek pengling, pelabuhan serta pintu masuk dan keluar negara.

"Ini jurantalan yang kompleks. Kalau kita hanya fokus kepada satu agensi, penyelesaiannya tidak akan menyeluruh. Sebab itu pendekatan kita perlu lebih bersepadu," katanya.

Beliau turut menegaskan pendirian kementerian untuk memberi kerjasama penuh kepada pihak berkuasa, menjunjung prinsip integriti dan tindakan, memastikan kelangsungan operasi jabatan serta menghormati sepenuhnya proses undang-undang, selaras dengan kenyataan Menteri NRES, Datuk Seri Arthur Joseph Kurup pada 29 Januari lalu.

"Insha ALLAH, dengan pendekatan yang lebih terurus dan berprinsip, kita bukan sahaja dapat memulihkan keyakinan terhadap institusi penguat kuasa alam sekitar, malah memperkukuh kepercayaan negara menangani isu-isu besar seperti e-waste secara lebih berkesan," ujarnya.



SYED IBRAHIM

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU





BERITA HARIAN 05.02.2026 (KHAMIS)

Pegawai tentera ditahan kes suapan *RM28,000

Seremban: Pegawai kanan tentera ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki meminta dan menerima rasuah kira-kira RM28,000 sejak 2024.

Sumber berkata, suapan sebagai dorongan untuk penyambungan kontrak perkhidmatan operator gambar dan penjualan cenderamata fotografi, selain daripada kontraktor lain yang mendapat kerja di tempat suspek bekerja.

Katanya, suspek berusia lingkungan 50-an itu ditahan kira-kira jam 4.30 petang kelmarin ketika hadir ke Pejabat SPRM Negeri Sembilan.

"Siasatan awal mendapati suspek dipercayai melakukan perbuatan itu antara 2024 hingga 2025 ketika bertugas sebagai pengarah.

"Suspek disyaki menerima wang rasuah antara RM500 hingga RM3,000 setiap bulan melalui transaksi pemindahan wang ke akaun bank peribadinya," katanya.

Majistret Sara Afiqah Zulkifli membenarkan suspek direman selama enam hari sehingga 9 Februari ini selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret, di sini, semalam.

Pengarah SPRM negeri, Awg-kok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail, mengesahkan penahanan itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.



SINAR HARIAN
05.02.2026
(KHAMIS)

Pegawai kanan tentera direman kes terima rasuah RM28,000

SEREMBAN - Seorang pegawai kanan tentera direman enam hari selepas disyaki meminta dan menerima rasuah kira-kira RM28,000, sebagai dorongan untuk menyambung kontrak perkhidmatan operator gambar dan penjualan cenderamata fotografi di tempat kerjanya.

Perintah reman terhadap suspek lelaki berusia 50-an itu dikeluarkan oleh Majistret, Sara Afiah Zulkifli selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret di sini pada Rabu.

Suspek direman bermula 4 hingga 9 Februari ini.

Menurut sumber, suspek telah ditahan pada jam kira-kira 4.30 petang pada Selasa ketika hadir di Pejabat SPRM Negeri Sembilan.

"Siasatan awal mendapati, suspek melakukan perbuatan itu sebagai dorongan untuk menyambung kontrak perkhidmatan operator gambar dan penjualan cenderamata fotografi di tempat kerjanya.

"Dia turut dipercayai meminta dan menerima rasuah daripada kontraktor lain yang mendapat projek di tempat kerjanya antara tahun 2024 hingga 2025 ketika bertugas sebagai pengarah.

"Suspek disyaki menerima wang rasuah antara RM500 hingga RM3,000 setiap bulan melalui transaksi pemindahan wang ke akaun bank peribadi miliknya" kata beliau.

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU





BERITA HARIAN
07.02.2026
(SABTU)

Pegawai pengurusan tertinggi IJM bergelar Tan Sri ditahan

SPRM geledah institusi pengurusan dana, bank pelaburan dan kediaman suspek

Oleh Hah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang pegawai pengurusan tertinggi IJM Corporation Berhad bergelar Tan Sri untuk siasatan isu tadbir urus korporat, proses perolehan, transaksi kewangan serta pemilikan aset di luar negara yang dianggarkan bernilai kira-kira RM2.5 bilion.

Suspek lelaki berusia lingkungan 70-an itu ditahan kira-kira jam 7 malam kelmarin di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya se-

lepas kediaman beliau digeledah pegawai SPRM.

"SPRM melakukan pemeriksaan dan mengeledah tiga lokasi baharu iaitu sebuah institusi pengurusan dana dan pelaburan; sebuah bank pelaburan dan kediaman suspek.

"Siasatan awal mendapati bank pelaburan terbabit dilantik untuk menguruskan proses tawaran pengambilalihan ke atas IJM Corporation Berhad, termasuk urusan kawal selia dengan sebuah badan berkanun biaya sendiri," katanya.

SPRM beku 70 akaun bank

Pada 19 Januari lalu, Bahagian Operasi Khas (BOK) menjalankan siasatan terhadap suspek berkaitan tadbir urus korporat, proses perolehan, transaksi kewangan serta pemilikan aset berjumlah RM2.5 bilion di luar negara dan potensi elemen kesalahan di bawah peruntukan undang-undang berkaitan.

Sehubungan itu, SPRM membekukan 70 akaun bank perendirian serta akaun syarikat

yang berkaitan dengan jumlah kira-kira RM30.6 juta.

Siasatan turut menumpukan kepada usaha mengesan dan menyita aset lain yang disyaki diperolehi melalui aktiviti pengubahan wang haram dan setakat ini SPRM sudah memanggil 15 saksi termasuk isteri suspek untuk dirakam percakapan.

Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas (BOK), Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin, ketika dihubungi mengesahkan maklumat penahanan Tan Sri terbabit.

Beliau berkata, tokoh korporat itu dibebaskan dalam tempoh 24 jam penahanan selepas keterangannya diambil memandangkan suspek turut mengalami masalah kesihatan.

Katanya, fokus siasatan kini menjurus kepada kesalahan mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009 dan Seksyen 4 (1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001).



UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU





BERITA HARIAN 07.02.2026 (SABTU)

HRD Corp gantung tugas tiga anggota pengurusan tertinggi

Kuala Lumpur: Human Resource Development Corporation (HRD Corp) menggantung tugas tiga anggota pengurusan tertinggi susulan laporan Jawatan Kuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Ketua Audit Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Dalam satu kenyataan di sini semalam, HRD Corp memaklumkan tindakan diambil berdasarkan penemuan dan syor berkaitan pengurusan 'levi tidak digunakan', pemerolehan Menara Ikhlas serta pengurusan pelaburan ekuiti HRD Corp.

Ia juga merangkumi penemuan terkini berhubung Sistem Teras Baharu (New Core System - NCS) bernilai RM14 juta yang tertangguh lebih empat tahun selepas tiga kegagalan Ujian Penerimaan Pengguna (UAT).

Ketua Eksekutif HRD Corp, Datuk Shamir Aziz, menegaskan langkah pemulihan dan pengukuhan tadbir urus itu selaras dengan aspirasi Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R Ramanan yang menekankan standard integriti, ketelusan dan akauntabiliti lebih tinggi dalam institusi tenaga kerja.

"Ini bagi memastikan pengu-

rusan HRD Corp menghasilkan impak positif kepada majikan serta tenaga kerja negara, sejajar dengan semangat MADANI Bekerja," katanya dalam kenyataan berkenaan yang tidak memperincikan tiga anggota pengurusan tertinggi yang dikenakan tindakan itu.

Tegasnya, HRD Corp akan melaksanakan siasatan dalaman yang telus dan berintegriti dengan mandat, skop serta terma rujukan yang jelas.

"Proses ini merangkumi semakan dokumen, rekod kewangan, kelulusan, minit mesyuarat dan jejak audit berkaitan, selain

pengambilan keterangan serta pengesahan fakta daripada pegawai terlibat, tertakluk kepada prinsip keadilan asasi dan keperluan kerahsiaan siasatan," katanya.

Kenyataan sama turut memaklumkan, dalam minggu pertama pelantikan Ketua Eksekutif baharu, HRD Corp berjaya memperoleh penyelesaian kira-kira 18 peratus daripada portfolio pelaburan berstruktur yang tertunggak, bersama pulangan berjumlah RM151.8 juta.

Usaha ini membuktikan pemulihan yang pantas telah dilakukan selain dapat memastikan

Langkah pemulihan dan pengukuhan tadbir urus itu selaras dengan aspirasi Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R Ramanan yang menekankan standard integriti, ketelusan dan akauntabiliti lebih tinggi dalam institusi tenaga kerja

Shamir Aziz,
Ketua Eksekutif HRD Corp



pelaburan yang dibuat oleh HRD Corp lebih terjamin dan dilindungi.

"Selain itu, bagi memastikan tadbir urus dan pemantauan yang lebih kukuh, pelaksanaan program latihan yang diluluskan hanya boleh dijalankan selepas tempoh minimum 21 hari hingga tiga bulan daripada tarikh kelulusan," menurut HRD Corp.

Tempoh itu memberi masa yang cukup kepada majikan dan penyedia latihan untuk membuat perancangan rapi termasuk tempahan lokasi, pendaftaran peserta dan penyelarasan logistik.

Pada masa ini, tiada pemantauan yang sistematik terhadap program latihan yang diluluskan telah melemahkan kawalan dan pengawasan tadbir urus.

Terdapat juga kes di mana latihan dilaksanakan sebelum kelulusan diperoleh, dengan permohonan geran dikemukakan hanya selepas latihan selesai.

Bagi menangani isu ini, HRD Corp akan memperkukuh rangka kerja pemantauan dan penguatkuasaan secara berperingkat dengan menempatkan pegawai di lapangan untuk menyelia pelaksanaan latihan.

"HRD Corp yakin penambahan yang dibuat ini akan memperkukuh pematuhan, akauntabiliti dan tadbir urus yang lebih baik selari dengan aspirasi Malaysia MADANI, khususnya teras Kesejahteraan, Keadilan Sosial, Keberdayaan dan Ihsan dalam memastikan manfaat pembangunan negara dapat dirasakan seluruh lapisan masyarakat dan industri," menurut kenyataan itu.



HARIAN METRO
07.02.2026
(SABTU)

Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin,
Muhaamad Hafis
Nawawi dan
Suharmin Yusuf
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Beberapa lagi individu daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) terkenal yang menjalankan misi kemanusiaan di Gaza kini berada dalam 'radar' Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Malah, SPRM tidak menolak akan ada lagi tangkapan susulan selepas seorang individu ditahan reman kelmarin.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, SPRM akan memanggil beberapa individu lain termasuk pengasas NGO terbabit bagi membantu siasatan kes ini.

Menurutnya, saksi yang sudah dipanggil setakat ini adalah seramai 11 orang dan 10 lagi saksi akan dipanggil untuk merakam keterangan.

"SPRM juga tidak menolak akan ada lagi tangkapan terhadap beberapa individu berkepentingan."

"Siasatan mendapati, wang persatuan disalurkan kepada dua syarikat yang menjalankan perniagaan berkaitan produk makanan dan kraf tangan serta cenderamata," katanya ekslusif kepada Harian Metro.

"Siasatan mendapati, wang persatuan disalurkan kepada dua syarikat yang menjalankan perniagaan berkaitan produk makanan dan kraf tangan serta cenderamata"

Azam Baki

memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya. "Siasatan awal mendapati suspek yang juga pemilik sebuah syarikat makanan disyaki melakukan perbuatan berkenaan antara tahun 2022 hingga 2024."

"Suspek dipercayai melulus dan memindahkan dana NGO berjumlah kira-kira RM4.2 juta ke dalam akaun dua syarikat lain bagi tujuan pelaburan di mana individu-individu dalam pengurusan persatuan dipercayai mempunyai kepentingan di dalam syarikat-syarikat berkenaan," katanya.

Sumber berkata, lelaki berusia 40-an itu ditahan ketika hadir



TAK TOLAK AKAN ADA TANGKAPAN SUSULAN

Beberapa lagi individu dari NGO terkenal menjalankan misi kemanusiaan di Gaza berada dalam 'radar' SPRM

DISYAKI SUBAHAT SELEWENG
DANA DIANGGARKAN RM1.3J

Pendakwah bebas, wanita direman lagi tiga hari

Alor Setar: Seorang pendakwah bebas sekali lagi direman bersama seorang Ketua Jabatan Kewangan dan Perakaunan di sebuah institusi pusat pendidikan serta dakwah negeri ini oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kedah selepas disyaki bersubahat dalam penyelewengan dana dianggarkan RM1.3 juta.

Perintah reman selama tiga hari sehingga Ahad terhadap kedua-dua suspek dikeluarkan Majistret Nur Amalina Abd Rahman selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Alor Setar di sini, pagi semalam.

Sumber berkata, suspek seorang lelaki dan seorang wanita berumur sekitar 30-an ditahan semula kira-kira jam 6 petang semalam di pejabat SPRM Cawangan Sungai Petani bagi membantu siasatan kes berasingan.

Katanya, kedua-dua suspek sebelum itu direman selama sehari selepas permohonan dibuat di Mahkamah Majistret Sungai Petani, sebelum dibebaskan pada jam 5 petang hari yang sama.

Kedua-dua suspek, di mana pendakwah bebas tersebut yang juga pengarah urusan institusi pusat pendidikan dan dakwah di negeri ini direman buat kali kedua kerana disyaki bersubahat menyeleweng dana RM1.3 juta yang dimasukkan ke dalam akaun persendirian mereka.

"Pada masa sama, siasatan turut mendapati kedua-dua suspek meluluskan pembayaran untuk pembelian rumah bernilai kira-kira RM500,000," katanya.

Kelmarin, kedua-dua individu terbabit direman bagi membantu siasatan selepas disyaki menyalahgunakan kedudukan dengan meluluskan pembayaran berjumlah kira-kira RM600,000 bagi tujuan kutipan dana institusi pendidikan dan dakwah berkenaan tanpa persetujuan rakan kongsi lain.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kedah, Datuk Nazli Rasyid Sulong ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut dan berkata, siasatan yang dijalankan SPRM Kedah dan Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM sejak Oktober tahun lalu disiasat di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Terdahulu Harian Metro melaporkan, SPRM Kedah menahan reman dua individu termasuk seorang pendakwah bebas kerana disyaki bersubahat menyalah guna kuasa meluluskan RM600,000 sebagai balasan bayaran mengumpul dana sebuah institusi pusat pendidikan dan dakwah.

Perintah reman selama sehari terhadap kedua-dua suspek dikeluarkan Majistret Noorfazlina Musa selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Sungai Petani pagi kelmarin.

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU





HARIAN METRO

07.02.2026

(SABTU)

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan pegawai pengurusan tertinggi IJM Corporation Berhad berhubung siasatan isu tadbir urus korporat, proses perolehan, transaksi kewangan serta pemilikan aset di luar negara yang membabitkan nilai sekitar RM2.5 bilion.

Menurut sumber, suspek lelaki berusia 70-an itu ditahan kira-kira jam 7 malam kelmarin di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya selepas kediaman beliau dibongkar.

"SPRM melakukan pemeriksaan dan pengele-

dahan di tiga lokasi baharu iaitu sebuah institusi pengurusan dana dan pelaburan; sebuah bank pelaburan dan kediaman suspek.

"Siasatan awal mendapati bank pelaburan itu dilantik untuk menguruskan proses tawaran pengambilalihan ke atas IJM Corporation Berhad termasuk urusan kawal selia dengan sebuah badan berkanun biaya sendiri," katanya.

Pada 19 Januari lalu, Bahagian Operasi Khas (BOK) menjalankan siasatan terhadap suspek berkaitan tadbir urus korporat, proses perolehan, transaksi kewangan serta pemilikan aset berjumlah RM2.5 bilion di luar negara dan potensi elemen kesalahannya di bawah

peruntukan undang-undang berkaitan.

Sehubungan itu, SPRM membekukan 70 akaun bank persendirian serta akaun syarikat yang berkaitan dengan jumlah kira-kira RM30.6 juta.

Isu tadbir urus korporat, proses perolehan, transaksi kewangan, pemilikan aset di luar negara

Kata sumber, siasatan turut menumpukan kepada usaha mengesan dan menyita

aset-aset lain yang disyaki diperoleh melalui aktiviti pengubahan wang haram dan setakat ini pihaknya sudah memanggil 15 orang saksi termasuk isteri suspek untuk dirakam percakapan.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin ketika dihubungi mengesahkan perkara itu.

Katanya fokus siasatan

menjurus kepada kesalahan mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009 dan Seksyen 4 (1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001).

Beliau berkata, suspek dibebaskan dalam tempoh 24 jam selepas keterangan diambil memandangkan dia turut mengalami masalah kesihatan.



SINAR HARIAN
07.02.2026
(SABTU)

Pengerusi IJM Corporation ditahan bantu siasatan SPRM

Kes habitkan wang, aset RM2.5 bilion di luar negara

Oleh MUHAMMAD AFHAMYRAMLI

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan Pengerusi Syarikat IJM Corporation Berhad bagi membantu siasatan berhubung kes berkaitan isu tadbir urus korporat, proses perolehan, transaksi kewangan serta pemilikan aset di luar negara dianggarkan bernilai kira-kira RM2.5 bilion.

Menurut sumber, lelaki berusia lingkungan 70-an itu ditahan kira-kira jam 7 petang, Khamis di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya selepas kediamannya digeledah.

"SPRM telah melakukan pemeriksaan dan penggeledahan di tiga lokasi baharu iaitu sebuah institusi pengurusan dana dan pelaburan selain sebuah bank pelaburan dan kediaman suspek.

"Siasatan awal mendapati bank pelaburan tersebut telah dilantik untuk menguruskan proses tawaran pengambilalihan ke atas IJM Corporation Berhad termasuk urusan kawal selia dengan sebuah badan berkanun biaya sendiri," katanya.

Pada 19 Januari lalu, Bahagian Operasi



Suspek ditahan kira-kira jam 7 petang Khamis di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya selepas kediamannya digeledah.

Khas (BOK) telah menjalankan siasatan terhadap suspek berkaitan tadbir urus korporat, proses perolehan, transaksi kewangan serta pemilikan aset berjumlah RM2.5 bilion di luar negara dan potensi elemen kesalahan di bawah peruntukan undang-undang berkaitan.

Sehubungan itu, SPRM membekukan 70 akaun bank persendirian serta akaun syarikat-syarikat yang berkaitan dengan jumlah kira-kira RM30.6 juta.

Tambah sumber, siasatan turut menumpukan kepada usaha mengesan dan menyita aset-aset lain yang disyaki telah diperolehi melalui aktiviti pengubahan wang haram dan setakat ini pihaknya telah me-

anggil 15 orang saksi termasuk isteri suspek untuk dirakam percakapan.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas (BOK) SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zahri Abidin ketika dihubungi mengesahkan maklumat tersebut.

"Fokus siasatan menjurus kepada kesalahan di bawah Seksyen 16 Akta SPRM 2009 dan Seksyen 4 (1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA/PFPUA 2001).

"Suspek telah dilepaskan dalam tempoh 24 jam selepas keterangan diambil memandangkan suspek turut mengalami masalah kesihatan," ujarnya.

HRD Corp gantung tugas tiga anggota pengurusan tertinggi

KUALA LUMPUR - Human Resource Development Corporation (HRD Corp) menggantung tugas tiga anggota pengurusan tertinggi susulan laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Ketua Audit Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

HRD Corp dalam kenyataan pada Jumaat memaklumkan, tindakan itu diambil berdasarkan penemuan dan syor berkaitan

pengurusan 'low' tidak digunakan, pemerolehan Menara Ikhlas serta pengurusan pelaburan ekuiti HRD Corp.

"Perkara itu juga merangkumi penemuan terkini berhubung Sistem Teras Baharu (New Core System) bernilai RM14 juta yang tertangguh lebih empat tahun selepas tiga kegagalan Ujian Penerimaan Pengguna (UAT)," menurut kenyataan itu.

Ketua Eksekutif HRD Corp, Datuk Shamir Aziz dalam kenyataan sama menegaskan, langkah pemuliharaan dan pengukuhan tadbir urus itu selaras dengan aspirasi Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R. Ramanathan yang menekankan standard integriti, ketelusan dan akauntabiliti lebih tinggi dalam institusi tenaga kerja.

Beliau berkata, ia juga bagi memastikan pengurusan HRD Corp menghasilkan impak positif kepada majikan serta tenaga kerja negara, sejajar dengan semangat Madani Bekerja.

"HRD Corp akan melaksanakan siasatan dalaman yang telus dan berintegriti dengan mandat, skop serta terma rujukan yang jelas merangkumi semakan dokumen, rekod kewangan, kelulusan, minit mesyuarat dan jejak audit berkaitan selain pengambilan keterangan serta pengesahan fakta daripada pegawai terlibat tertakluk kepada prinsip keadilan asasi dan keperluan kerahsiaan siasatan," katanya.

HRD Corp memaklumkan berjaya memperoleh penyelesaian kira-kira 18 peratus daripada portfolio pelaburan berstruktur yang tertunggak bersama pulangan berjumlah RM151.8 juta dalam minggu pertama pelantikan Ketua Eksekutif baharu, sekaligus membuktikan pemuliharaan pantas telah dilakukan selain memastikan pelaburan yang dibuat lebih terjamin dan dilindungi.

"Selain itu, bagi memastikan tadbir urus dan pemantauan yang lebih kukuh, pelaksanaan program latihan yang diuluskan hanya boleh dijalankan selepas tempoh minimum 21 hari hingga tiga bulan daripada 'tangkis' kelulusan," menurut kenyataan itu. - Bernama

KRONOLOGI KES IJM

19 JANUARI 2026

- SPRM siasat IJM Corporation berhubung dakwaan skim pengubahan wang haram menecah RM2.5 bilion. Menurut sumber, seorang anggota pengurusan tertinggi syarikat itu yang bergelar Tan Sri serta seorang penasihat syarikat dienal pasti sebagai individu berkepentingan dalam kes berkenaan.

- IJM Corporation mengesahkan bahawa pegawai dan SPRM dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah hadir di pejabat syarikat tersebut untuk mendapatkan maklumat sebagai sebahagian daripada proses meneka.

20 JANUARI 2026

- SPRM merakam keterangan sembilan individu termasuk dua pihak berkepentingan bagi membantu siasatan dakwaan membabitkan IJM Corporation berhubung skim pengubahan wang haram berjumlah RM2.5 bilion.

21 JANUARI 2026

- SPRM melakukan penggeledahan berikutan konglomerat usaha negara, IJM Corporation dan membekukan 56 akaun berjumlah kira-kira RM15.6 juta. Empat lokasi termasuk kediaman individu serta pejabat syarikat pembinaan, pembangunan hartanah, infrastruktur dan industri itu digeledah SPRM dalam satu operasi dipanggil Ops Heist.

- SPRM turut membekukan 56 akaun bank persendirian serta akaun syarikat-syarikat yang berkaitan dengan jumlah keseluruhan dianggarkan kira-kira RM15.8 juta.

22 JANUARI 2026

- Dua pengurusan tertinggi dipanggil ke pejabat SPRM bagi siasatan mengenai kes IJM Corporation.

- Pihak berkuasa United Kingdom (UK) menjalankan siasatan berhubung kes melibatkan IJM Corporation yang berkaitan dengan isu tadbir urus korporat, proses perolehan, transaksi kewangan serta pemilikan aset di luar negara yang dianggarkan bernilai kira-kira RM2.5 bilion.

24 JANUARI 2026

- Siasatan SPRM mendapati terdapat penglibatan pihak yang mempunyai kepentingan dalam kes IJM Corporation.
- Pihak tersebut membuat keputusan sehingga memberi kebebasan kepada beberapa individu berhubung dakwaan kes pengubahan wang haram RM2.5 bilion.



SINAR HARIAN
07.02.2026
(SABTU)

Pendakwah direman sekali lagi

Disyaki bersubahat
seleweng dana
RM1.3 juta

Oleh SITI ZUBAIDAH
ZAKARAYA

ALOR SETAR - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kedah menahan reman seorang pendakwah dan seorang ketua jabatan kewangan sebuah institusi dakwah untuk kali kedua kerana disyaki bersubahat menyeleweng dana RM1.3 juta.

Perintah reman selama tiga hari sehingga 8 Februari 2026 terhadap

kedua-dua individu itu dikeluarkan Majistret Nur Amalina Abd Rahmah selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Alor Setar pada Jumaat.

Menurut sumber, suspek yang merupakan seorang lelaki dan seorang wanita berusia lingkungan 30-an ditahan kira-kira jam 6 petang Khamis di pejabat SPRM Cawangan Sungai Petani.

Sebelum ini, kedua-duanya direman satu hari pada Khamis selepas permohonan dibuat di Mahkamah Majistret Sungai Petani dan dibebaskan pada jam 5 petang pada hari sama.

"Dua individu tersebut direman

kali kedua kerana disyaki bersubahat menyeleweng dana kira-kira RM1.3 juta yang dimasukkan ke dalam akaun persendirian.

"Pada masa sama, siasatan turut mendapati kedua-dua individu disyaki meluluskan pembayaran pembelian rumah bernilai kira-kira RM500,000," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kedah, Datuk Nazli Rasyid Sulong ketika dihubungi mengesahkan penahanan berkenaan.

Menurutnya, siasatan dijalankan SPRM Kedah dan Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM sejak Oktober tahun lalu.



Pendakwah dan seorang wanita direman kali kedua.

Kes disiasat bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Sebelum ini media melaporkan, dua individu terbabit direman bagi membantu siasatan menyalahguna-

kan kuasa dengan meluluskan bayaran kira-kira RM600,000 sebagai bayaran mengumpul tanpa mendapat kelulusan rakan kongsi lain.



SINAR HARIAN
07.02.2026
(SABTU)

Pendakwah bebas sekali lagi ditahan bersama ketua kewangan

Disyaki subahat kes seleweng dana dianggar berjumlah RM1.3j

Oleh Suharmin Yusuf
suharmin.yusuf@hmetro.com.my

Alor Setar: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sekali lagi menahan reman seorang pendakwah bebas bersama seorang ketua jabatan kewangan dan perakaunan pusat pendidikan dan dakwah negeri ini, selepas disyaki bersubahat dalam penyelewengan dana dianggarkan RM1.3 juta.

Perintah reman selama tiga hari sehingga esok terhadap kedua-dua suspek dikeluarkan Majistret Nur Amalina Abd Rahman selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Alor Setar, di sini, semalam.

Sumber berkata, suspek seorang lelaki dan seorang wanita berumur sekitar 30-an ditahan semula kira-kira jam 6 petang semalam di pejabat SPRM Cawangan Sungai Petani bagi membantu siasatan kes berasingan.

Masuk akaun persendirian

Katanya, kedua-dua suspek kelmarin direman selama sehari selepas permohonan dibuat di Mahkamah Majistret Sungai Petani, sebelum dibebaskan pada jam 5 petang hari yang sama.

"Kedua-dua suspek, iaitu pendakwah bebas yang juga pengarah urusan pusat pendidikan dan dakwah di negeri ini direman buat kali kedua kerana disyaki bersubahat menyeleweng dana kira-kira RM1.3 juta yang dimasukkan ke dalam akaun persendirian mereka.

"Siasatan turut mendapati kedua-dua suspek meluluskan pem-

bayaran untuk pembelian rumah bernilai kira-kira RM500,000," katanya.

Kelmarin, kedua-dua individu terbabit direman bagi membantu siasatan selepas disyaki menyalahgunakan kedudukan dengan meluluskan pembayaran berjumlah kira-kira RM600,000 bagi tujuan kutipan dana institusi pendidikan dan dakwah berkenaan tanpa per-

setujuan rakan kongsi lain.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kedah, Datuk Nazli Rasyid Sulong ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbaru dan berkata, siasatan yang dijalankan SPRM Kedah dan Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram SPRM sejak Oktober tahun lalu, disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Pendakwah bebas ditahan reman kali kedua di Mahkamah Alor Setar. (Foto SPRM)





HARIAN METRO
10.02.2026
(SELASA)

Peniaga didakwa subahat beri rasuah RM32,000

H/Metro
10/2/26
Selasa

Kuala Lumpur: Seorang peniaga mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas lima pertuduhan bersubahat memberikan rasuah berjumlah RM32,000 kepada pembantu pendaftaran Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) berhubung permohonan sijil kelahiran.

Yap Foo Siong, 58, didakwa atas lima pertuduhan bersubahat dengan seorang lelaki dengan memberikan suapan wang tunai kepada pembantu pendaftaran JPN, Putrajaya sebagai upah untuk membantu proses permohonan sijil kelahiran menggunakan dokumen sokongan palsu iaitu dokumen daftar

kelahiran JPN dan surat pengesahan bersalin.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah premis di Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2 dan sebuah restoran di Putrajaya antara 30 Mei dan 21 September 2023.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 28(1)(c) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dibaca bersama Seksyen 17(b) akta sama yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta serupa yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan

atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Asmaa' Zamri menawarkan jaminan RM10,000 bagi semua pertuduhan dengan syarat tambahan tertuduh perlu melaporkan diri sebulan sekali di pejabat SPRM, Selangor dan pasportnya diserahkan kepada mahkamah serta dilarang mengganggu saksi pendakwaan sehingga kes selesai.

Peguam P Vitiya Monisha memohon jaminan antara RM5,000 hingga RM6,000 kerana anak guamnya menanggung keluarga selain hanya bekerja sebagai peniaga.



SINAR HARIAN
11.02.2026
(RABU)

6 ditahan kes tuntutan tiket penerbangan palsu RM1.3 juta



Pegawai awam bersama pekerja agensi pelancongan dibawa ke Mahkamah Kota Kinabalu.

KOTA KINABALU - Empat pegawai awam dan dua pekerja sebuah syarikat agensi pelancongan ditahan selepas dipercayai membuat tuntutan pembelian tiket kapal terbang bernilai RM1.3 juta pada Selasa.

Penahanan enam individu berusia antara 30 hingga 50 tahun itu dilakukan susulan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkaitan tuntutan butiran penerbangan yang dipalsukan.

Menurut sumber, siasatan mendapati tiket sebenar tidak disediakan syarikat berkenaan kepada pegawai sebuah badan berkanun Persekutuan dan kakitangan terbabit.

"Enam suspek terdiri daripada dua lela-

ki dan empat wanita ditahan kira-kira jam 9.30 malam ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Sabah," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Sabah, Datuk Mohd Fuad Bee Basrah, mengesahkan penahanan itu memaklumkan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 kerana mengemukakan dokumen palsu.

Katanya, permohonan reman akan dibuat di Mahkamah Majistret Kota Kinabalu pada Selasa bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan.

"Beberapa siri tangkapan dijangka dibuat pada masa akan datang berdasarkan perkembangan siasatan kes," katanya.



BERITA HARIAN
12.02.2026
(KHAMIS)

Ketua pengarah, pengarah ditahan disyaki seleweng dana RM900,000

Suspek disyaki bersubahat salah guna kuasa dan kedudukan

Oleh Hali Hafiz Aziz dan
Austin Camoens
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Seorang ketua pengarah dan pengarah sebuah lagi jabatan kerajaan ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam, kerana disyaki bersubahat menyeleweng dana kira-kira RM900,000 untuk kepentingan peribadi.

Dua lelaki berusia lingkungan 50-an itu ditahan ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya, kira-kira jam 1 tengah hari semalam.

Siasatan awal SPRM menda-

pati kedua-dua suspek disyaki bersubahat melakukan perbuatan tersebut pada 2024, disyaki menyalahgunakan kuasa dan kedudukan masing-masing dengan menggunakan peruntukan kewangan di tempat mereka bekerja berjumlah kira-kira RM900,000 untuk kepentingan peribadi.

Mereka juga disyaki mengemukakan tuntutan palsu dan dokumen yang mengandungi butir palsu berjumlah RM60,000 untuk menunaikan umrah ketika menghadiri urusan rasmi di Jeddah pada 29 Januari hingga 4 Februari tahun lalu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, mengesahkan tangkapan terbabit untuk siasatan mengikut Seksyen 18 dan Seksyen 23 Akta SPRM 2009 serta turut membabitkan kesalahan di bawah Kanun Keseksaan berkaitan pecah amanah dan salah guna harta.

Sementara itu, ketika mengulas kes membabitkan Ketua Pengarah dan seorang Timbalan Ke-

tua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang ditahan pada 29 Januari lalu, Azam berkata, kertas siasatan rasuah pengurusan e-waste membabitkan kedua-duanya sudah di peringkat akhir sebelum dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara esok.

"Saya (telah) memberi tempoh dua minggu kepada pegawai penyiasat dan saya jamin menjelang Jumaat (esok) kertas siasatan akan diserahkan dengan cadangan pertuduhan terhadap dua individu itu," katanya.

Kedua-dua suspek itu sedang disiasat mengikut Akta SPRM 2009 berhubung dakwaan salah guna kuasa dan rasuah berkaitan pengurusan e-waste yang dipercayai berlaku dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan.

Media sebelum ini melaporkan SPRM memperhebatkan siasatan berhubung kegiatan pengimportan sisa elektronik (e-waste) secara haram, susulan risikan yang mendedahkan antara 2,000 hingga 3,000 kontena e-was-

te telah diseludup masuk ke negara ini melalui pelabuhan utama.

Warga asing jadi dalang

Malah, hasil risikan terbaharu dijalankan SPRM mendedahkan, warga asing disyaki menjadi dalang mengimport e-waste, plastik dan kertas secara haram untuk diproses bagi tujuan kitar semula, termasuk pihak berkuasa disyaki bersubahat, berkait kes pencemaran berterusan angkara e-waste dibawa masuk secara haram ke negara ini.

Susulan itu, sebanyak 16 akaun bank dilaporkan dibekukan membabitkan nilai kira-kira RM10.2 juta selain wang tunai bernilai RM87,000 dan barang kes bernilai kira-kira RM220,000 disita.

Terdahulu, pada 22 Januari lalu, SPRM menahan enam individu pemilik syarikat dipercayai dalang kemasukan e-waste ke dalam negara serta membekukan 14 akaun bernilai RM7.2 juta.

Dalam perkembangan lain, Azam memaklumkan SPRM menambah empat lagi pegawai di Kementerian Pertahanan (MINDEF) bagi membantu menangani isu ketirisan dan tadbir urus, khususnya yang melibatkan perolehan di kementerian itu.

Namun, Azam berkata, setakat ini, masih awal untuk menyatakannya MINDEF dibersihkan.

Pada Januari lalu, empat pegawai tertinggi Angkatan Tentera Malaysia dihadapkan ke mahkamah membabitkan salah guna kuasa dalam perolehan ketenteraan dan pengurusan dana kebajikan, termasuk kes berkaitan Tabung Kebajikan Angkatan Tentera (TKAT) serta pembekalan di bawah MINDEF.

Isu itu mendapat perhatian Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim yang menitahkan bahawa rasuah harus diperangi secara besar-besaran tanpa perlindungan undang-undang termasuk terhadap pegawai berpangkat tinggi.



HARIAN METRO
12.02.2026
(KHAMIS)



SUSPEK anggota polis direman enam hari bagi membantu siasatan kes meminta dan menerima rasuah RM2,000.

Minta RM2k upah tak ambil tindakan

Melaka: Dua anggota polis diberkas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Melaka selepas disyaki meminta dan menerima rasuah kira-kira RM2,000 sebagai balasan tidak mengambil tindakan terhadap individu berkaitan kes dadah.

Kedua-dua suspek lelaki berusia lingkungan 30 dan 40-an itu kini direman selama enam hari sehingga 16 Februari ini bagi membantu siasatan kes itu.

Perintah reman terhadap kedua-dua suspek dikeluarkan Majistret Uthman Abd Ghani selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret

Ayer Keroh, semalam.

Menurut sumber, suspek ditahan kira-kira jam 5 petang kelmarin ketika hadir proses kawad cam di pejabat SPRM Melaka.

"Hasil siasatan awal mendapati kedua-dua suspek disyaki melakukan perbuatan itu pada 5 Januari lalu di Hentian Rehat dan Rawat Ayer Keroh, Melaka.

"Mereka dipercayai terima rasuah secara tunai," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka, Datuk Adi Supian Shafie, mengesahkan penahanan itu dan memberitahu kes disiasat mengikut Seksyen 16 (a)(B) Akta SPRM 2009.



HARIAN METRO
12.02.2026
(KHAMIS)

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan enam pegawai dan seorang bekas pegawai penguat kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) Selangor kerana disyaki terbabat dengan rasuah sebagai balasan mempercepat urusan permohonan dan memperbaharui lesen perniagaan.

Menurut sumber, kesemua suspek lelaki berusia

DISYAKI RASUAH PERBAHARUI LESEN PERNIAGAAN

SPRM tahan enam pegawai, seorang bekas pegawai penguat kuasa PBT Selangor

lingkungan 30 hingga 50-an itu ditahan antara 10 pagi hingga 12 tengah hari di sekitar Lembah Klang, kelmarin.

Katanya semua mereka disyaki menerima antara RM500 hingga RM15,000

daripada pemilik syarikat perniagaan, selain melindungi syarikat-syarikat tertentu daripada dikenakan tindakan undang-undang.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati ketu-

juh-tujuh suspek disyaki bersubahat melakukan perbuatan tersebut antara 2019 hingga 2023.

"Semua suspek dipercayai menerima wang rasuah antara RM500 hingga RM15,000 setiap bulan

melalui transaksi pemin-dahan wang ke akaun bank peribadi masing-masing daripada dua pemilik syarikat," katanya.

Sumber itu berkata perintah reman selama empat hari sehingga 14 Fe-

bruari ini terhadap kesemua suspek dikeluarkan Majistret Ameera Mastura Khamis selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Shah Alam, pagi semalam.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor Mohd Azwan Ramli ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut dan kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

- BERNAMA



SINAR HARIAN
12.02.2026
(KHAMIS)

Pengarah NGO, penolong pengarah syarikat ditahan disyaki seleweng dana awam RM500,000

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang pengarah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan penolong pengarah syarikat kerana disyaki menyalah guna kuasa dengan menyeleweng dana awam kira-kira RM500,000.

Kedua-dua suspek terdiri daripada seorang lelaki dan seorang wanita berusia lingkungan 40-an telah ditahan selepas hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya kira-kira jam 4 petang Selasa.

Perintah reman empat hari sehingga 14 Februari 2026 terhadap kedua-dua suspek telah dikeluarkan Majistret Ezrene Zakariah selepas permohonan dibuat SPRM Di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Khamis.

Menurut sumber, siasatan awal mendapati kedua-dua suspek disyaki bersubahat melakukan perbuatan

tersebut antara tahun 2022 hingga 2025.

"Kedua-dua suspek dipercayai telah memperdaya orang awam untuk menyalurkan sumbangan kebajikan dan bantuan kemanusiaan melalui NGO tersebut sedangkan sumbangan yang diterima tidak disalurkan kepada penerima," katanya.

Kata sumber, susulan daripada itu, SPRM telah membekukan 13 akaun persendirian termasuk akaun Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Tabung Haji dengan jumlah keseluruhan kira-kira RM2 juta.

Sementara itu, Pengarah SPRM Wilayah Persekutuan Putrajaya, Azizul Ahmad Sarkawi ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut dan berkata kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.



SINAR HARIAN

12.02.2026

(KHAMIS)

Didakwa beri suapan lebih RM2.4 juta



Chun Jiat (kiri) dan Kian Ang dibawa ke Mahkamah Sesyen Shah Alam pada Rabu bagi menghadapi pertuduhan kes rasuah.

SHAH ALAM - Seorang pengarah syarikat sistem keselamatan dan seorang lagi bekas pengarah syarikat kontraktor elektrik mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu atas pertuduhan memberi suapan lebih RM2.4 juta bagi mendapatkan tender berkaitan projek pembinaan pusat data pada 2024 dan 2025 lalu.

Seow Kian Ang, 53, yang memakai baju kemeja berwarna hitam dan Yong Chun Jiat, 38, berkemeja biru muda membuat pengakuan itu selepas semua pertuduhan dibaca secara berasingan di hadapan Hakim, Datuk Mohd Nasir Nordin.

Mengikut pertuduhan, Kian Ang didakwa atas empat pertuduhan memberi wang berjumlah RM1.352 juta iaitu empat kali suapan masing-masing RM338,000 kepada seorang lelaki berusia 34 tahun, yang juga pengurus kontrak sebuah syarikat, melalui seorang lagi lelaki berusia 39 tahun.

Ia didakwa sebagai upah membantu syarikatnya mendapatkan tender 'Sub-Contractor for Design, Planning, Supply, Delivery, Installation, Testing, Commissioning, Warranty and Comprehensive Maintenance of Security System'.

Kesalahan didakwa dilakukan di Bandar Sunway dan Ara Damansara di sini, antara 1 Ogos 2024 dan 10 Julai 2025.

Sementara Chun Jiat didakwa atas enam pertuduhan memberi suapan sebanyak RM1.05 juta iaitu wang tunai masing-masing RM100,000, RM96,000, RM150,000, RM154,000, RM150,000 dan RM400,000 kepada pengurus kontrak sama.

Ia sebagai upah membantu

syarikat tertuduh mendapat tender 'Sub-Contractor for Design, Planning, Supply, Delivery, Installation, Testing, Commissioning, Warranty and Comprehensive Maintenance of Electrical Low Voltage Works (External LV Package) (Sub-Contract)'.

Kesalahan didakwa dilakukan di Bandar Sunway, Ara Damansara, Temasya Square Glenmarie antara 5 Ogos 2024 dan 18 Mei 2025, mengikut seksyen sama.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Farah Ezlin Yusop Khan memohon mahkamah tidak menawarkan ikat jamin kepada kedua-dua tertuduh.

Bagaimanapun sekiranya mahkamah mahu menggunakan budi bicara untuk memberikan jaminan, beliau mencadangkan kadar itu ditetapkan RM500,000 dengan seorang penjamin tempatan bagi setiap tertuduh.

Bagaimanapun, peguam, Datuk Geethan Ram yang mewakili Kian Ang merayu ikat jamin itu dikurangkan kerana jumlah dicadangkan bersifat keterlaluan.

Sementara peguam, Datuk N Sivananthan yang mewakili Chun Jiat merayu mahkamah mengurangkan jumlah jaminan berkenaan kerana anak guam perlu menyara keluarga.

Selepas mendengar permohonan daripada kedua-dua pihak, Mohd Nasir membenarkan tertuduh diikat jamin RM100,000 dengan seorang penjamin.

"Setiap tertuduh dikehendaki menyerahkan pasport kepada mahkamah dan tidak mengganggu saksi," katanya.



BERITA HARIAN
13.02.2026
(JUMAAT)

Penyelewengan dana RM900,000

Ketua Pengarah dan pengarah jabatan kena reman lima hari

Suspek disyaki subahat salah guna kuasa, kedudukan untuk kepentingan peribadi

Oleh Syafiqah Damanhuri
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Ketua Pengarah dan seorang pengarah sebuah jabatan kerajaan direman lima hari bagi membantu siasatan kes penyelewengan dana berjumlah RM900,000.

Perintah berkenaan dikeluarkan

oleh Majistret Ezrene Zakariah bermula semalam sehingga 16 Februari terhadap kedua-dua suspek selepas permohonan reman dilakukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret di sini.

Kedua-dua suspek lelaki berusia lingkungan 50-an telah ditahan kira-kira jam 1 petang kel-

Seorang lagi ketua pengarah ditahan

Keratan akhbar BH, semalam.

marin selepas hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM.

Mereka disyaki bersubahat melakukan perbuatan terbabit pada tahun 2024.

Kedua-duanya dipercayai me-

nyalahgunakan kuasa dan kedudukan masing-masing dengan menggunakan peruntukan kewangan di tempat mereka bekerja berjumlah kira-kira RM900,000 untuk kepentingan peribadi.

Tuntutan palsu

Mereka juga dipercayai mengemukakan tuntutan palsu dan dokumen yang mengandungi butir matan palsu berjumlah kira-kira RM60,000 untuk menunaikan umrah ketika menghadiri urusan rasmi di Jeddah pada 29 Januari hingga 4 Februari tahun lalu.

Terdahulu, suspek tiba di Perkarangan Mahkamah Putrajaya pada jam 9.10 pagi menaiki kenderaan SPRM.

Kelmarin, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan akan ada tangkapan susulan jika terdapat bukti dan keterangan tambahan.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 18 dan Seksyen 23 Akta SPRM 2009 serta kesalahan mengikut Kanun Keseksaan berkaitan pecah amanah dan salah guna harta.



BERITA HARIAN 13.02.2026 (JUMAAT)



Bekas Setiausaha Politik kepada bekas Ketua Menteri Melaka bersama isteri dibawa untuk permohonan reman di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam. (Foto mohd Fadli Hamzah/BH)

Bekas setiausaha politik KM, isteri direman kes rasuah RM3j

Putrajaya: Bekas setiausaha politik kepada bekas Ketua Menteri Melaka dan isterinya direman lima hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes berkaitan rasuah.

Perintah reman hingga Isnin ini dikeluarkan Majistret Ezrene Zakariah selepas menerima permohonan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Putrajaya.

Siasatan akan dijalankan

membabitkan dakwaan meminta dan menerima suapan kira-kira RM3 juta sebagai balasan membantu syarikat dilantik sebagai konsesi projek penambakan laut di sekitar Melaka.

Media melaporkan, pasangan suami isteri itu ditahan pada jam 2 petang kelmarin, ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM di sini.

Siasatan awal SPRM mendapati suspek yang bergelar Datuk Wira itu dipercayai melaku-

kukan perbuatan terbabit antara Februari hingga November 2021.

Hasil siasatan turut mendapati wang rasuah berkenaan dipercayai digunakan untuk membeli seunit kondominium di Lembah Klang.

Pasangan suami isteri itu tiba di Mahkamah Putrajaya kira-kira jam 9.10 pagi semalam dengan menaiki kenderaan SPRM dan kes disiasat di bawah Seksyen 16a(A) Akta SPRM 2009.



BERITA HARIAN 13.02.2026 (JUMAAT)

Juruteknik UTHM hadapi dua tuduhan guna wang universiti RM165,094.50

Johor Bahru: Juruteknik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua tuduhan menggunakan wang milik universiti itu sebanyak RM165,094.50, empat hingga lima tahun lalu.

Mohd Rizal Sangaiman, 45, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di depan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Bagi kedua-dua pertuduhan, Mohd Rizal didakwa dengan cu-rangnya menjadikan bagi kegunaan sendiri wang berjumlah RM67,429 dan RM97,665.50 milik UTHM.

Perbuatan itu dilakukan di sebuah bank cawangan Batu Pahat dekat Jalan Kundang, Taman Bukit Pasir, Batu Pahat antara 28 Januari 2021 sehingga 11 Jun 2022.

Bagi perbuatan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum lima tahun dan dengan sebat dan hendaklah juga dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Ameera D'Aneez Mohd Shukari melakukan pendakwaan, manakala tertuduh diwakili Peguam Mohd Fazaly Ali Mohd Ghazaly.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM12,000 dan menetapkan 31 Mac depan untuk sebutan semula bagi serahan dokumen.

Di mahkamah sama, jurutera UTHM menghadapi tujuh pertu-

duhan setuju menerima wang RM23,500 berkaitan dengan urusan perkhidmatan alat siar raya dan LCD projektor di UTHM, antara tiga hingga empat tahun lalu.

Tertuduh, Muhammad Iqbal Sarman, 40, mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan itu dibacakan jurubahasa mahkamah di depan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Berdasarkan semua kertas pertuduhan, Muhammad Iqbal sebagai seorang penjawat awam iaitu Jurutera Gred J9 yang bertugas di Unit Penyenggaraan Elektrik, Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan UTHM didakwa setuju menerima untuk dirinya sendiri sesuatu benda berharga, iaitu wang antara RM1,000 hingga RM6,000 keseluruhannya berjumlah RM23,500.

Perbuatan itu didakwa dibuat tanpa balasan daripada seorang lelaki berusia 52 tahun secara pindaan atas talian daripada akaun bank milik lelaki itu ke akaun bank milik tertuduh, iaitu perbuatan itu ada hubungan dengan tugas rasmi tertuduh sebagai Jurutera UTHM bagi Perkhidmatan Alat Siar Raya dan LCD Projektor (Berkala) di UTHM.

Bagi perbuatan yang didakwa dilakukan di sebuah bank di Jalan Cempaka 1, Taman Bunga Cempaka Biru, Parit Raja, Batu Pahat, antara 26 November 2022 hingga 23 Disember 2023, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU





HARIAN METRO
13.02.2026
(JUMAAT)



MOHD Rizal (kanan) dibenarkan diikat jamin RM12,000 dan mahkamah menetapkan 31 Mac depan untuk sebutan semula bagi serahan dokumen.

Oleh Izz Laily Hussein
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Seorang juruteknik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua tuduhan menggunakan wang milik universiti itu sebanyak RM165,094.50, empat hingga lima tahun lalu.

Tertuduh, Mohd Rizal Sangaiman, 45, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Bagi kedua-dua pertuduhan, Mohd Rizal didakwa menggunakan wang berjumlah RM67,429 dan RM97,665.50 milik UTHM untuk kegunaan sendiri.

Perbuatan itu dilakukan di sebuah bank cawangan Batu Pahat dekat Jalan Kundang, Taman Bukit Pasisir, Batu Pahat antara 28 Januari 2021 sehingga 11 Jun 2022.

Bagi perbuatan itu, tertuduh didakwa mengikut

Guna wang universiti RM165,094.50

Juruteknik UTHM dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru atas dua pertuduhan

Seksyen 403 Kanun Keseksyen yang membawa hukuman penjara maksimum lima tahun dan dengan sebat dan hendaklah juga dikenakan denda jika sabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Ameera D'Aneez Mohd Shukari menawarkan jaminan antara RM20,000 hingga RM30,000 memandangkan nilai yang terbabit dalam pertuduhan melebihi RM150,000.

Peguam Mohd Fa-

zaly Ali Mohd Ghazaly yang mewakili tertuduh bagaimanapun memohon jumlah jaminan yang lebih rendah antara RM10,000 hingga RM15,000 atas beberapa alasan.

Beliau berkata, anaknya tidak mempunyai risiko melarikan diri kerana sudah memberi kerjasama dengan SPRM sejak tahun lalu tanpa gagal malah hanya tinggal di Simpang Renggam dalam negeri ini.

"Tertuduh akan dijamin oleh isteri-

rinya yang bekerja sebagai kerani syarikat swasta dengan gaji antara RM3,000 hingga RM4,000.

"Tertuduh yang berpendapatan antara RM3,000 hingga RM4,000 juga mungkin akan digantung tugas sehingga kes ini selesai, sekali gus menjadi satu beban dan kesulitan kepadanya jika diberikan jumlah jaminan yang tinggi," katanya.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM12,000 dan menetapkan 31 Mac depan untuk sebutan semula bagi serahan dokumen.

Tertuduh dikatakan beri kerjasama dengan SPRM sejak tahun lalu tanpa gagal

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU





HARIAN METRO
13.02.2026
(JUMAAT)

TERIMA WANG RM23,500

Jurutera di UTHM kena 7 pertuduhan

Johor Bahru: Seorang jurutera di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas tujuh pertuduhan menerima wang berjumlah RM23,500 berkaitan urusan perkhidmatan alat siaraya dan LCD projektor di UTHM, antara tiga hingga empat tahun lalu.

Tertuduh, Muhammad Iqbal Sarman, 40, mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan itu dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Ariffin Ismail.

Berdasarkan semua kertas pertuduhan, Muhammad Iqbal sebagai seorang penjawat awam Gred J9 yang bertugas di Unit Penyenggaraan Elektrik, Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan UTHM didakwa menerima untuk dirinya sendiri wang antara RM1,000 hingga RM6,000 keseluruhannya berjumlah RM23,500.

Perbuatan itu didakwa dilakukan seorang lelaki berusia 52 tahun secara pindahan atas talian ke akaun bank milik tertuduh.

Perbuatan itu ada hubungan dengan tugas rasmi tertuduh sebagai jurutera UTHM bagi Per-

khidmatan Alat Siaraya dan LCD Projektor (Berkala) di UTHM.

Bagi perbuatan yang didakwa dilakukan di sebuah bank di Jalan Cempaka 1, Taman Bunga Cempaka Biru, Parit Raja, Batu Pahat, antara 26 November 2022 hingga 23 Disember 2023, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan (Akta 574) yang boleh membawa hukuman penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun atau dengan denda atau dengan kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan yang dijalankan Pegawal Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Muhd Faizul Kamaro Zaman menawarkan jaminan RM10,000 memandangkan pertuduhan dihadapi tertuduh boleh dijamin.

Peguam Tan Song Yan yang mewakili tertuduh bagaimanapun memohon jumlah yang lebih rendah iaitu RM5,000 atas alasan anak guamnya mempunyai tanggungan yang ramai.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM10,000 dan menetapkan 16 Mac depan untuk sebutan semula kes bagi serahan dokumen.



MUHAMMAD Iqbal (tanan) dihadapkan ke mahkamah atas tujuh pertuduhan, semalam. - Gambar NSTP/IZZ LAILY

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU





SINAR HARIAN
13.02.2026
(JUMAAT)

Setiausaha politik bekas Ketua Menteri Melaka, isteri direman.

PUTRAJAYA - Seorang setiausaha politik kepada bekas Ketua Menteri Melaka dan isterinya direman lima hari bagi membantu siasatan berhubung dakwaan meminta dan menerima rasuah berjumlah RM3 juta.

RASUAH RM3 JUTA

Perintah tahanan reman yang bermula Khamis itu dikeluarkan oleh Majistret Ezrene Zakariah selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Terdahulu pasangan suami isteri itu ditahan jam 2 petang Rabu selepas hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM pada Rabu.

Difahamkan setiausaha politik bergelar datuk dan isterinya disyaki meminta dan menerima rasuah kira-kira RM3 juta sebagai balasan membantu sebuah syarikat dilantik sebagai konsesi projek penambakan laut di sekitar Melaka.

Perbuatan itu dikatakan berlaku bagi tempoh Februari hingga November 2021.

Hasil siasatan turut mendapati wang rasuah berkenaan dipercayai digunakan untuk membeli sebuah unit kondominium di sekitar Lembah Klang.

Ketua pengarah, pengarah jabatan kerajaan direman

PUTRAJAYA - Seorang ketua pengarah dan pengarah sebuah jabatan kerajaan direman lima hari bagi membantu siasatan kes subahat menyeleweng dana kira-kira RM900,000.

Perintah reman sehingga 16 Februari terhadap kedua-dua suspek telah dikeluarkan Majistret Ezrene Zakariah selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Khamis.

Menurut sumber, kedua-dua suspek lelaki berusia 50-an itu telah ditahan kira-kira jam 1 petang Rabu ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya.

"Siasatan awal mendapati kedua-dua suspek disyaki telah menyalahgunakan kuasa dan kedudukan masing-masing dengan menggunakan peruntukan kewangan di tempat mereka bekerja berjumlah kira-kira

SELEWENG DANA RM900,000



Suspek direman lima hari bermula Khamis bagi membantu siasatan kes subahat menyeleweng dana RM900,000.

RM900,000 untuk kepentingan peribadi.

"Kedua-dua suspek juga dipercayai telah mengemukakan tuntutan palsu dan dokumen yang mengandungi butir matan palsu berjumlah kira-kira RM60,000 untuk menunaikan umrah semasa menghadiri urusan rasmi di Jeddah pada 29 Januari hingga 4 Februari tahun lalu," katanya.



BERITA HARIAN
14.02.2026
(SABTU)

Ejen, orang tengah beri rasuah akan ditahan masa terdekat

Genting Highlands: Ejen dan orang tengah yang dikenal pasti memberi rasuah kepada pegawai penguat kuasa akan ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam tempoh terdekat.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya, berkata SPRM memfokuskan 'orang tengah' dan ejen, berbanding memburu penguat kuasa yang korup, tahun ini.

Katanya, ia susulan rasuah didapati masih berulang walaupun tindakan diambil terhadap anggota penguat kuasa sebelum ini.

"Beberapa tahun kebelakangan ini kita memberi fokus kepada anggota penguat kuasa, namun kita lihat perkara itu masih berulang.

"Jadi, pada tahun ini kita akan memberi tumpuan kepada ejen, orang tengah atau sesiapa yang terbabit dengan agensi penguat kuasa," katanya selepas Majlis Penutup Bengkel Kewartawanan SPRM di sini, semalam.

Beliau berkata, penguat kuasa yang terbabit rasuah dipercayai hanya menerima kurang 15 peratus daripada wang suapan diberikan sindiket, manakala ejen dan orang tengah meraih keuntungan terbesar serta menjadi dalang sebenar kegiatan berkenaan.



Ahmad Khusairi bersama peserta Bengkel Kewartawanan SPRM di Genting Highland, semalam.

(Foto ihsan SPRM)

SPRM akan teliti dakwaan seleweng pelaburan RM1.11b

Suruhanjaya terima aduan tiga NGO dikaitkan dengan bekas menteri kanan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Genting Highlands: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu meneliti maklumat berhubung dakwaan penyelewengan pelaburan berjumlah ki-

ra-kira RM1.11 bilion yang dikaitkan dengan seorang bekas menteri kanan.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Ahmad Khusairi Yahaya, berkata pihaknya baru menerima aduan berkenaan dan memerlukan masa

membuat semakan.

Minta masa untuk teliti

"Saya sahkan aduan itu selepas tiga pertubuhan bukan kerajaan (NGO) hadir ke SPRM membuat aduan mengenai perkara itu.

"Buat masa ini, beri masa kami meneliti dokumen yang diserahkan sebelum tindakan seterusnya dibuat.

"Sekiranya ada, kita akan siasat di bawah akta yang tertakluk (Akta SPRM 2009)," katanya selepas

Majlis Penutup Bengkel Kewartawanan SPRM di sini, semalam.

Ahmad Khusairi berkata, SPRM akan meneliti setiap sudut siasatan berhubung aduan berkenaan merangkumi jika ada kesalahan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan aspek tatakelola.

Kelmarin, SPRM dilaporkan sedang meneliti dakwaan penyelewengan pelaburan berjumlah kira-kira RM1.11 bilion dikaitkan dengan bekas menteri kanan di sebuah kementerian.



HARIAN METRO
14.02.2026
(SABTU)

Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi
mhafis@mediapri-
ma.com.my

Genting Highlands

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berdepan cabaran besar apabila terus dihakimi mahkamah media sosial sedangkan kes masih dalam siasatan.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, tidak dapat dinafikan bahawa cabaran paling besar kepada SPRM dan semua agensi penguatkuasaan masa kini ialah pengaruh media sosial.

Menurutnya, media sosial membolehkan sebarang dakwaan, tuduhan dan persepsi disebarkan dengan pantas, tanpa semakan dan menunggu proses siasatan disempurnakan.

"Dalam banyak keadaan, kes masih dalam siasatan, bukti sedang dikumpulkan namun SPRM telah pun dihakimi di mahkamah media sosial."

"Lebih membimbangkan, ruangan komen sering dimanipulasi oleh kumpulan tertentu yang diwujudkan secara terancang untuk menyemai kebencian dan menjejaskan



Kes masih dalam siasatan, bukti sedang dikumpulkan namun SPRM telah pun dihakimi di mahkamah media sosial"

Ahmad Khusairi

kepercayaan rakyat terhadap SPRM.

"Dalam dilema ini, apabila SPRM tidak bertindak segera, kami dituduh cuba melindungi pihak tertentu. Namun apabila SPRM mengambil tindakan tegas berlandaskan undang-undang, kami pula dilabel sebagai bertindak secara terpilih atau menjadi alat politik," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutupan Bengkel Kewartawanan: Memahami Peranan SPRM Dalam Usaha

KAMI IKUT PROSEDUR!

SPRM tidak pernah bertindak berdasarkan tekanan media sosial



Memerangi Rasuah, di sini, semalam.

Menurutnya, setiap tindakan SPRM adalah berasaskan bukti, peruntukan undang-undang dan prosedur yang ditetapkan, bukan berdasarkan tekanan media sosial, sentimen awam atau kepentingan mana-mana pihak.

Dalam pada itu, beliau berkata, pelaporan yang tidak bertanggungjawab bukan sahaja memberi kesan negatif kepada imej dan reputasi SPRM malah boleh

menjejaskan siasatan, mengganggu proses keadilan serta memberi implikasi kepada keselamatan pegawai serta saksi.

"SPRM menghormati peranan media sebagai *Public Watchdog* namun kita mesti membezakan antara kewartawanan penyiasatan yang bertanggungjawab dengan pelaporan sensasi yang dibungkus sebagai 'penyiasatan'.

"Kewartawanan penyiasatan yang bertanggungjawab, memperkukuh demokrasi dan integriti tetapi pelaporan sensasi, merosakkan kepercayaan dan mengganggu proses keadilan," katanya.

Katanya, SPRM tidak akan bertindak berdasarkan tekanan media sosial, perbicaraan awam atau naratif yang dibina tanpa asas kukuh, sebaliknya komited menjalankan amanah secara profesional, bebas dan berintegriti berteraskan prinsip *Rule of Law*.



HARIAN METRO
14.02.2026
(SABTU)

Genting Highlands: Panel Penilaian Operasi (PPO) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapati tiada petunjuk kes sengaja dilewatkan atau 'diperam', dengan kebanyakan kertas siasatan badan anti-rasuah itu mencapai sasaran masa ditetapkan.

Pengerusinya Datuk Ahmad Rosli Mohd Sham berkata, antara perkara utama dilaporkan kepada PPO ialah peratusan kertas siasatan yang menepati tempoh masa, termasuk had siasatan tidak melebihi 12 bulan.

"Jaranglah saya ataupun ahli-ahli PPO lain yang mempersoalkan kenapa ia tak mencapai sasaran. Cuma kalau ada yang tidak (mencapai), itu nanti kita akan minta penjelasan. Setakat ini tiada isu.

"Bukanlah mereka sengaja melewat-lewatkan tindakan, melewatkan siasatan atau peram kes, kami tidak jumpalah," katanya pada program Bengkel Kewartawanan: Memahami Peranan SPRM Dalam Usaha Memerangi Rasuah, di sini. Mengulas peranan PPO,

PPO SPRM tiada petunjuk kes sengaja 'diperam'

Ahmad Rosli berkata panel itu bukan sekadar memantau kecekapan, tetapi turut menilai semula kes yang diklasifikasikan sebagai tiada tindakan lanjut (NFA) bagi memastikan tiada kelemahan siasatan terlepas pandang.

"Penilaian itu dari beberapa segi, yang pertama sama ada terdapat apa-apa kelemahan dalam siasatan itu sendiri yang perlu ditambah baik.

"Ataupun kalau siasatan itu gagal mengambil kira satu sudut lain, kita bagi arahan ataupun bagi nasihat untuk menyiasat dari sudut lain, termasuk juga dalam keadaan yang mung-

kin siasatan itu tidak menimbulkan satu kesalahan rasuah tapi kemungkinan ada kesalahan lain juga ditimbulkan," katanya.

Terdahulu ketika menyampaikan ceramah pada program bersama media tempatan itu, beliau mendedahkan SPRM membentangkan 1,869

kertas siasatan dengan keputusan NFA kepada PPO bagi tempoh 2009 hingga tahun lepas.

Daripada jumlah itu, PPO bersetuju dengan 1,760 keputusan NFA manakala 136 kertas siasatan diarahkan untuk semakan semula.

Ahmad Rosli turut berkata SPRM bersikap terbuka terhadap teguran panel, termasuk saranan memperkukuh kepakaran pegawai penyiasat.

"Kalau kita buat komen, tidak adalah SPRM jadi defensif dan mempertahankan diri. Dia ambil kira komen kita itu," katanya. - BERNAMA

"Kalau ada yang tidak (mencapai), itu nanti kita akan minta penjelasan"
Ahmad Rosli





HARIAN METRO
14.02.2026
(SABTU)

Fokus sindiket, ejen beri rasuah kepada pegawai penguat kuasa

Genting Highland: Beberapa sindiket membabitkan ejen yang memberi rasuah kepada pegawai penguatkuasa sudah dalam radar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, fokus siasatan tahun ini dialihkan kepada kumpulan berkenaan selepas kegiatan rasuah didapati masih berulang walaupun tindakan diambil terhadap anggota penguat kuasa sebelum ini.

"Beberapa tahun kebelakangan ini kita memberi fokus kepada anggota penguat kuasa namun kita lihat perkara itu masih berulang.

"Justeru, fokus tahun ini kita akan *attack* ejen,

orang tengah dan sesiapa yang terbabit dengan agensi penguat kuasa," katanya ketika ditemui selepas Majlis Penutup Bengkel Kewartawanan SPRM di sini, semalam.

Beliau berkata, SPRM sudah mengenal pasti beberapa sindiket didalangi ejen terbabit dan tindakan tegas akan diambil.

"Kita sebenarnya sudah mengumpulkan beberapa sindiket yang didalangi ejen terbabit dan kita akan ambil tindakan yang tegas.

"Ada beberapa sindiket dalam radar. Kesemua ejen tidak kira di lapangan terbang, pelabuhan, melibatkan perolehan kerajaan dan sebagainya," katanya.

Beliau juga memberi amaran kepada sindiket terbabit supaya menghentikan aktiviti ini.

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU





HARIAN METRO
14.02.2026
(SABTU)

Orang tengah jadi pihak paling banyak kaut untung

Genting Highland: Ejen dan orang tengah dipercayai mengaut keuntungan jauh lebih besar berbanding penjawat awam yang menerima hanya sedikit wang rasuah yang diberikan oleh sindiket.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, ejen dan orang tengah menjadi pihak yang paling menguntungkan kerana bukan sekadar mengaut hampir keseluruhan wang rasuah itu, malah menjadi 'mastermind' sebenar mengatur perjalanan aktiviti korupsi itu.

Menurutnya, jumlah yang diterima oleh penguat kuasa dilihat sangat tidak berbaloi untuk mereka bersekongkol dengan sindiket, kerana bukan hanya berisiko untuk ditangkap dan dituduh di mahkamah, malah kehilangan kerja hakiki mereka.

"Bayangkan rasuah membabitkan penguatkuasa negara, jika wang rasuah untuk membawa masuk migran berjumlah RM6,000, mereka hanya peroleh kurang RM1,000 sahaja selebihnya diambil ejen.

"Bagi jumlah itu yang dikaut oleh semua orang te-

ngah dan adakah ia berbaloi untuk mereka mengorbankan integriti dan diambil tindakan apabila perbuatan itu dikesan oleh SPRM," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutupan Bengkel Kewartawanan itu, di sini semalam.

Ahmad Khusairi berkata, SPRM pada tahun ini mengambil tindakan drastik untuk memburu ejen dan orang tengah yang terbabit dalam mana-mana sindiket yang menjejaskan agensi penguatkuasa negara.

"Tahun ini kita akan fokus kepada ejen dan orang tengah kerana kita melihat setiap tindakan yang diambil oleh SPRM seolah-olah aktiviti rasuah itu tidak berkesudahan.

"Sebelum ini kita fokus kepada pegawai-pegawai agensi penguatkuasaan tetapi kali ini, kita akan ke arah mereka yang menyebabkan rasuah itu terjadi," katanya.

Beliau berkata, beliau akan memastikan kita akan *hit hard* mereka (ejen dan orang tengah) yang bertanggungjawab membawa rasuah ini dalam agensi penguatkuasaan termasuk membabitkan perolehan.

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU





SINAR HARIAN
14.02.2026
(SABTU)

Rafizi dakwa bakal diserbu SPRM

Sedia hadapi intimidasi isu RM1.1 bilion ekoran bangkitkan isu badan penguatkuasa itu

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

AMPANG - Bekas Menteri Ekonomi, Datuk Seri Rafizi Ramli mendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan melakukan serbuan ke atasnya susulan laporan berhubung penyelewengan melibatkan pelaburan berjumlah RM1.1 bilion.

Beliau berkata, maklumat mengenai serbuan berkenaan dimaklumkan oleh satu sumber dalaman SPRM kepadanya pada pagi Jumaat.

Rafizi bagaimanapun menegaskan, beliau bersedia untuk sekali lagi melalui pengalaman intimidasi daripada pihak berkuasa ekoran tindakannya membangkitkan isu penyelewengan melibatkan SPRM seperti dilaporkan media antarabangsa, Bloomberg.

"Saya hendak sampaikan kepada (Perdana Menteri) Datuk Seri Anwar (Ibrahim) dan (Ketua Pesuruhjaya SPRM) Tan Sri Azam Baki. Saya ini veteran dalam bab kena tangkap dan masuk lokap, kena serbu, geledah.

"Saya sedia melalui semuanya sekali lagi kerana taktik intimidasi dan juga mencipta kes seperti ini telah dibuat oleh pentadbiran-pentadbiran sebelum ini, tapi akhirnya kebenaran akan tetap terserlah dan rakyat akan buat penghakiman," katanya.

Rafizi yang juga Ahli Parlimen Pandan berkata demikian pada sidang akhbar khas di Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Ampang disini pada Jumaat.

Hadir sama, Ahli Parlimen Subang, Wong Chen dan Ahli Parlimen Ampang, Rodziah Ismail.

Rafizi pada sidang akhbar itu bagaimanapun berkata, beliau masih belum dihubungi oleh SPRM untuk sebarang tindakan termasuklah merakam keterangannya.

"Kalau dia (SPRM) hendak tangkap, tangkaplah, geledahlah. Kalau saya ada sesuatu untuk disembunyikan kenapa saya letak jawatan (daripada kerajaan).

"Saya dah letak jawatan hampir 10 bulan dan sampai sekarang tak ada apa-apa. Saya juga pernah jalani 16 kes, jadi apa yang saya boleh katakan kepada SPRM adalah do your worst," katanya.

Ujar Rafizi, 'harga' yang perlu dibayar atas prinsip dipegangnya amat berbaloi apatah lagi ia dibuat atas kepentingan rakyat.

"Jika perlu melalui sekali lagi dengan pengalaman masa lalu se-



Rafizi (tengah) bersama Rodziah dan Wong Chen pada sidang media di Pusat Khidmat Rakyat Ampang pada Jumaat.

perti masa kes 1MDB, Felda, Lembaga Tabung Haji. Setakat masuk lokap dua, tiga hari, kenagari, semua berbaloi kerana perkara-perkara ini penting untuk rakyat.

"Jadi, kalau berani, cuba buat," katanya.

Pada Khamis, tiga pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dilaporkan membuat laporan kepada SPRM berhubung dakwaan salah guna kuasa melibatkan seorang bekas menteri di sebuah kementerian.

Ia membabitkan perjanjian antara kerajaan Malaysia dengan sebuah syarikat luar negara yang didakwa membabitkan nilai hampir RM1.1 bilion dan dimeterai pada awal tahun lalu.

Laporan itu dibuat secara bersama oleh Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) dan Pertubuhan Angkatan Nadi Jiwa Islam Malaysia (Panji Malaysia) di Ibu Pejabat SPRM.

Laporan itu kemudian diulang ciap oleh Rafizi di laman sosial X miliknya dengan mendedahkan bahawa ia berkaitan syarikat reka bentuk semikonduktor berpangkalan di United Kingdom, Arm Holdings yang didakwa memberi sogokan kepadanya.

Dalam ciapan itu, beliau turut menyatakan kesediaannya untuk disiasat oleh SPRM dan menyamakan tindakan itu dengan salah satu francais filem ternama Star Wars iaitu Empire Strikes Back.

Bersih sedia bekerjasama dengan Rafizi

SHAH ALAM - Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih) sedia bekerjasama dengan bekas Menteri Ekonomi, Datuk Seri Rafizi Ramli bagi menggerakkan satu himpunan aman berhubung isu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Pengerusi Bersih, Faisal Abdul Aziz berkata, perkara berkenaan sebagai isu besar yang memerlukan gerakan rakyat bagi memastikan

SPRM benar-benar bersihkan dan berfungsi secara bebas serta berintegriti.

"Secara prinsip Bersih bersedia untuk bekerjasama menggerakkan himpunan aman ini, ia isu besar yang memerlukan gerakan rakyat untuk memastikan SPRM benar-benar dibersihkan.

"Tuntutan Bersih jelas, siasatan bebas perlu dilakukan dan kerajaan harus melaksanakan agenda reformasi SPRM segera," katanya.



SINAR HARIAN
14.02.2026
(SABTU)

Lapan MP PKR desak siasatan bebas disegerakan

AMPANG - Lapan ahli Parlimen daripada PKR mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya menggantung tugas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki.

Mereka juga mahu siasatan segera dilakukan terhadap dakwaan berkaitan pemilikan saham Azam, serta dakwaan pimpinan suruhanjaya badan itu bersekongkol dengan ahli perniagaan untuk menyingkirkan pesaing korporat dan mengatur pengambilalihan syarikat.

Ahli Parlimen Pandan, Datuk Seri Rafizi Ramli yang mewakili kumpulan wakil rakyat itu turut mengingatkan Anwar supaya tidak mengulangi kesilapan yang pernah dilakukan Datuk Seri Najib Tun Razak semasa skandal IMDB.

"Kalau PH dihukum atas skandal yang melibatkan pimpinan kanan parti dan prestasi ke-

rajaan, (kami ahli Parlimen PKR) faham.

"Tetapi kalau rakyat menghukum PH dan Anwar (pula) gagal menjadi Perdana Menteri untuk penggal seterusnya atas alasan dilihat melindungi dan tidak mengambil tindakan atas dakwaan terhadap Azam, ia sangatlah tidak berbaloi kepada kami yang sudah hampir atau lebih 30 tahun di dalam PKR dan PH," katanya ketika sidang akhbar di Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Ampang di sini pada Jumaat.

Tujuh ahli Parlimen yang menyokong kenyataan tersebut ialah Rodziah Ismail (Ampang), Wong Chen (Subang), Nik Nazmi Nik Ahmad (Setiawangsa), Lee Chean Chung (Petaling Jaya), Ir Zahir Hassan (Wangsa Maju), S Kesavan (Sungai Siput) dan Tan Kar Hing (Gopeng).

Rafizi berkata, mereka juga akan menulis surat kepada Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih) untuk mengadakan perhimpunan membantah penyelewengan dalam SPRM.

Malah, dakwa Rafizi, beberapa pihak juga telah menghubunginya dan meminta beliau agar menganjurkan satu demonstrasi aman.

"Saya dulu penganjur demonstrasi berpengalaman tapi untuk buat demonstrasi ini jangan ikut 'kepala' masing-masing. Ia perlu diketuai satu badan yang dipersetujui dan membawa semua pihak bersama.

"Jadi, saya berpendapat dalam rekod dan sejarah negara kita, yang paling baik dan neutral untuk menganjurkan perhimpunan ini ialah Bersih walaupun mereka dituduh rapat dengan Pakatan Harapan (PH)," katanya.

EK ELEH

Lembaga
Displin Bersatu PECAT
HAMZAH dan beberapa
ahli Parlimen berkuat
kuasa semalam.

OPERASI
PEMBERSIHAN
dalam Bersatu sudah
bermula. Kita tengok
SIAPA LAGI YANG
KENAI





SINAR HARIAN
14.02.2026
(SABTU)

'Saya sedia disiasat'

Azam Baki turut arah
peguam keluarkan LOD
terhadap *Bloomberg*

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

SHAH ALAM - Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki menegaskan, beliau sedia disiasat oleh mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan kerajaan.

Malah, kata Azam, beliau tidak mempunyai apa-apa untuk disembunyikan berhubung perkara berkaitan pemilikan saham yang dikaitkan ke atasnya.

"Semua pengisytiharan kewangan dan harta telah dibuat selaras dengan peraturan perkhidmatan awam yang berkuat kuasa serta melalui saluran rasmi yang ditetapkan, sebagaimana yang diwajibkan ke atas setiap penjawat awam," katanya.

Menurut Azam, beliau mengalu-alukan sebarang proses yang telus dan bebas bagi menentukan fakta berasaskan bukti serta mengikut prinsip keadilan dan keluhuran undang-undang.

"Pendekatan sedemikian penting bukan sahaja untuk mempertahankan integriti peribadi saya, malah bagi mengekalkan keyakinan rakyat terhadap SPRM sebagai sebuah institusi," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Azam berkata, sebagai seorang penjawat awam dan ketua kepada agensi penguatkuasaan, beliau percaya mana-mana individu yang ber-

hadapan dengan dakwaan sewajarnya bersikap terbuka dan bersedia untuk disiasat.

Ujarnya, tiada siapa berada di atas undang-undang dan tiada siapa juga yang harus dihukum melalui persepsi atau naratif media semata-mata.

"Sepanjang perkhidmatan, saya kekal komited terhadap prinsip ketelusan, akauntabiliti dan kedaulatan undang-undang.



AZAM BAKI

"Saya akan terus memberikan kerjasama sepenuhnya kepada mana-mana mekanisme yang sah dan ditubuhkan secara wajar bagi meneliti perkara ini," katanya.

Pada Khamis, Azam mengarahkan peguamnya mengeluarkan surat tuntutan (LOD) kepada agensi berita antarabangsa, *Bloomberg* susulan laporan yang disifatkan 'mengelirukan' dan 'berunsur fitnah' berhubung urusan niaga saham.

Tegas Azam, beliau yakin kebenaran akan dapat ditegakkan melalui suatu proses yang adil dan bebas.

Azam sangkal dakwaan Rafizi

SHAH ALAM - "Iya ke?" Itu reaksi Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki ketika ditanya mengenai dakwaan Datuk Seri Rafizi Ramli bahawa suruhanjaya itu akan melakukan serbuan terhadap Ahli Parlimen Pandan itu.

Menurut Azam, beliau berpegang kepada kenyataan timbalannya, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahya bahawa pihaknya sedang meneliti dokumen berkaitan kes tersebut.

"Kertas siasatan belum dibuka lagi, jadi kenapa Rafizi maklum dia bakal diserbu? SPRM hanya melakukan tugas dengan telus dan mengikut undang-undang," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Jumaat.



SINAR HARIAN
14.02.2026
(SABTU)

Siasat dakwaan 'Mafia Korporat' dikaitkan SPRM - Puad Zarkashi

SHAH ALAM - Siasatan perlu dilakukan bagi menentukan kebenaran berhubung dakwaan menerusi video 'Mafia Korporat' yang dikaitkan dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO, Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi berkata, pendedahan tersebut amat menjejaskan imej kerajaan dan SPRM.

"Kena siasat segera kebenarannya, kalau benar buat pembersihan total terhadap SPRM.

"Sebaliknya jika ia cerita palsu, ambil tindakan undang-undang. Amat merunsingkan jika ia benar. Takut ia sudah berakar umbi dan sukar untuk dipulihkan," katanya menerusi hantaran di Facebook pada Jumaat.

Menurut Mohd Puad, rakyat perlu diberi penjelasan berhubung dakwaan tersebut.

"Tidak guna SPRM dilihat tegas, ada pegawai tinggi tentera didakwa dan pemimpin politik ditangkap tetapi di dalam SPRM ada mafia.

"Isunya reform terhadap SPRM. Siapa polis terhadap SPRM? Jawatankuasa aduan SPRM macam tidak ada kuasa menyiasat salah laku jenayah pegawai SPRM," tegas beliau.

Tambah Mohd Puad, satu unit khas juga perlu diwujudkan bagi membolehkan orang ramai membuat aduan terhadap salah laku pegawai SPRM.

Terdahulu, bekas Menteri Ekonomi, Datuk Seri Rafizi Ramli menerusi hantaran di media sosial pada Khamis menyorot laporan sebuah media antarabangsa yang mendakwa SPRM dibolosi beberapa individu yang terpalit dengan pelbagai tuduhan jenayah.

Ini termasuk tuduhan menggunakan syarikat meminjam wang berlesen untuk mencuci duit hasil daripada aktiviti jenayah.

SPRM teliti dokumen dakwaan seleweng RM1.1 bilion libat bekas menteri

GENTING HIGHLANDS - Dokumen yang dikemukakan oleh tiga pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berhubung dakwaan penyelewengan pelaburan RM1.1 bilion melibatkan bekas menteri di sebuah kementerian perlu diteliti dahulu sebelum kertas siasatan dibuka.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, pihaknya baru sahaja menerima aduan berkenaan dan memerlukan masa untuk membuat semakan terlebih dahulu.

"Keutamaan ketika ini adalah untuk menyemak dokumen berkenaan sebelum sebarang tindakan lanjut diambil.

"Secara asasnya, sebaik sahaja aduan diterima, kita akan meneliti sama ada terdapat unsur rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan kita juga akan melihat aspek tadbir urus," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Penutupan Bengkel Kewartawanan: Memahami Peranan SPRM Dalam Pencegahan dan Usaha Memerangi Rasuah di sini pada Jumaat.

Ahmad Khusairi turut meminta supaya SPRM diberi ruang untuk meneliti dokumen yang telah dikemukakan sebelum sebarang tindakan lanjut diambil.



Ahmad Khusairi (tengah) ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Penutupan Bengkel Kewartawanan: Memahami Peranan SPRM Dalam Pencegahan dan Usaha Memerangi Rasuah di Genting Highlands pada Jumaat.

"Kita akan menyiasat mengikut peruntukan undang-undang yang berkaitan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Ahmad Khusairi berkata, SPRM telah mengenal pasti beberapa sindiket melibatkan pelobi, ejen atau orang tengah yang terlibat dalam memberi rasuah kepada pihak tertentu.

Menurut beliau, beberapa tahun kebelakangan ini pihaknya memberi fokus kepada anggota-anggota penguat kuasa dan dilihat kes itu masih berulang.

"Kita mengalih fokus kita untuk tahun ini, kita akan 'serang' ejen, orang tengah dan sesiapa yang terlibat dengan

agensi penguat kuasa.

"Kesemua ejen ini tidak kira di lapangan terbang, pelabuhan, melibatkan perolehan kerajaan dan sebagainya. Bila sebut tentang ejen, ini termasuklah orang tengah dan juga pelobi-pelobi projek dan sebagainya.

"Saya beri amaran keras pada mereka untuk menghentikan aktiviti ini," katanya.

Tambah beliau, SPRM sebenarnya telah mengenal pasti beberapa sindiket yang didalangi ejen tersebut dan akan mengambil tindakan tegas.

Ujarnya, mereka kini berada dalam radar SPRM.



BERITA HARIAN
15.02.2026
(AHAD)

Jawatankuasa khas mula siasat Azam isu saham RM800,000

Maklumat kes
dikumpul pastikan
siasatan terperinci
beri pengadilan
sewajarnya

Oleh Safeek Affendy Razali
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jawatankuasa Khas Siasatan telah memulakan siasatan berhubung isu pemilihan saham oleh Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki.

Perkara itu disahkan Peguam Negara, Tan Sri Mohd Dusuki Mokhtar yang mengetuai jawatankuasa itu dalam kenyataan ke-

pada media semalam.

"Siasatan sudah pun bermula. Sebagai langkah permulaan, kami sedang mengumpul maklumat berkaitan kes berkenaan," katanya.

Sebelum ini, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dilaporkan berkata, turut menganggotai jawatankuasa berkenaan ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Datuk Johan Mahmood Merican.

Hasil syor akan dibentangkan

Jawatankuasa ini akan melaksanakan siasatan secara terperinci bagi memberikan pengadilan sewajarnya kepada pihak yang disiasat.

Hasil dan syor siasatan berkenaan akan dibentangkan kepada Perdana Menteri dan Pihak

Siasatan sudah pun bermula. Sebagai langkah permulaan, kami sedang mengumpul maklumat berkaitan kes berkenaan

Mohd Dusuki Mokhtar,
Peguam Negara



Berkuasa Tatatertib untuk pertimbangan lanjut berdasarkan tatacara sewajarnya.

Media asing *Bloomberg* dalam laporannya sebelum ini mendakwa Azam memiliki saham dalam sebuah syarikat perkhidmatan kewangan berdasarkan pemfai-lan korporat kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Bagaimanapun, Azam pada sidang media baru-baru ini, me-

negaskan pegangan saham miliknya bernilai RM800,000 dalam sebuah syarikat perkhidmatan kewangan dibuat secara telus dan mengikut prosedur.

Malah, Azam dilaporkan berkata, tidak ada perkara yang disembunyikan dan sudah diisytiharkan sepenuhnya, malah saham berkenaan yang dibeli tahun lalu sudah dilupuskan dalam tahun sama.

Sementara itu, di Kota Bharu, Timbalan Setiausaha Agung Perikatan Nasional (PN), Datuk Seri Takiyuddin Hassan, berkata pihaknya akan memantau perkembangan siasatan berkenaan.

"Berhubung penubuhan Jawatankuasa Khas Siasatan yang diketuai Peguam Negara, Tan Sri Mohd Dusuki Mokhtar itu adalah keputusan dibuat Kabinet.

"Kita akan melihat apa yang dilakukan jawatankuasa berkenaan dan sejauh mana fungsi penubuhan jawatankuasa terbabit selain berapa lama tempoh masa diambil untuk siasatan.

"Kita berharap jawatankuasa ditubuhkan itu mampu menyelesaikan kekeliruan berlaku.

"Jika tidak betul perlu dibuktikan tidak betul dan sekiranya benar, ia perlu disahkan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Klinik Hayat 24 Jam Cherang, semalam.



BERITA HARIAN
16.02.2026
(ISNIN)

Kes 1MDB

SPRM mohon lucut hak harta Putera Turki Abdullah Al-Saud

Tindakan untuk pastikan simpanan di luar Malaysia bukan hasil aktiviti haram

Oleh Hah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memfailkan permohonan di mahkamah, Jumaat lalu bagi mendapatkan perintah pelucuthakan harta alih milik Putera Turki Abdullah Al-Saud

yang berada di luar Malaysia.

Permohonan itu difailkan di bawah Seksyen 56(1), 59, dan 61(2) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA 2001).

Harta terbabit adalah wang berjumlah keseluruhan AS\$115,320,661.63 yang disimpan dalam beberapa akaun bank di Switzerland, termasuk di JP Morgan (Suisse) SA dan UBS Switzerland AG.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan permohonan mahkamah itu dan menegaskan komitmen SPRM untuk terus memastikan sebarang hasil yang diperoleh melalui akti-

viti menyalahi undang-undang diambil tindakan sewajarnya menurut lunas perundangan yang berkuat kuasa.

Beliau juga menjelaskan tindakan itu diambil selaras dengan peruntukan undang-undang yang memberi kuasa kepada SPRM untuk memohon pelucuthakan harta yang dipercayai menjadi hasil daripada aktiviti haram, tertakluk kepada perintah mahkamah.

Perintah halang transaksi

Pada Oktober lalu, SPRM memperoleh perintah bagi menghalang transaksi wang berjumlah AS\$115,320,661.63 (kira-kira RM486.4 juta) yang disimpan dalam tiga akaun perbankan di Switzerland atas penama Putera

Turki Abdullah Abdul Aziz Al-Saud.

Perintah menghalang dikeluarkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Jenayah 1 Kuala Lumpur, Nurulhuda Nur'aini Mohamad Nor mengikut Seksyen 53 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001

Putera Turki Abdullah Al-Saud



(AMLATFPUAA) pada pendengaran kes semalam susulan permohonan yang difailkan SPRM pada 7 Oktober lalu.

SPRM dalam kenyataan berkata, permohonan itu berdasarkan maklumat diterima SPRM pada 2011, bahawa Putera Turki Abdullah Abdul Aziz Al-Saud menerima, memindah dan menggunakan hasil daripada penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) melalui akaun perbankan miliknya.

Menerusi perintah ini, SPRM berjaya menghalang transaksi membabitkan AS\$87,148,732.89 dan AS\$12,777,759.74 dalam dua akaun bank di J P Morgan dan AS\$15,394,169 di dalam akaun bank UBS Switzerland.



SINAR HARIAN
16.02.2026
(ISNIN)

SPRM mohon lucut hak harta Putera Turki Abdullah Al-Saud di luar Malaysia

KUALA LUMPUR - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada Jumaat memfailkan permohonan mahkamah bagi mendapatkan perintah pelucuthakan harta alih yang berada di luar Malaysia atas penama Putera Turki Abdullah Al-Saud.

Menurut sumber, permohonan itu difailkan di bawah Seksyen 56(1), Seksyen 59 dan Seksyen 61(2) Akta

Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001).

Harta yang terlibat ialah wang berjumlah kira-kira AS\$115.3 juta (RM450.5 juta) yang disimpan dalam beberapa akaun bank di Switzerland termasuk di J.P. Morgan (Suisse) SA dan UBS Switzerland AG.

"Tindakan itu diambil selaras peruntukan undang-undang yang memberikan kuasa kepada SPRM untuk memohon pelucuthakan harta yang dipercayai hasil daripada aktiviti haram tertakluk pada perintah mahkamah," katanya.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan permohonan itu. - *Bernama*



BERITA HARIAN 20.02.2026 (JUMAAT)

Siasat aduan penjawat awam rasuah ikut undang-undang

Anwar mahu siasatan teliti, bukan didorong sentimen politik dan persepsi

Oleh Rafidah Mat Ruzid
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Siasatan dan tindakan yang diambil terhadap aduan membabitkan penjawat awam, termasuk dakwaan berkaitan rasuah perlu dijalankan dengan teliti serta tidak tergopoh-gapah, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim. Perdana Menteri berkata, siasatan dijalankan juga tidak boleh didorong sentimen politik dan persepsi, sebaliknya harus mengikut peraturan undang-undang.

"Tetapi bagi saya, saya tidak fikir saudara akan bekerja kalau seorang Perdana Menteri itu terus hukum. Belum siasat, mesti hukum dulu. Saya tidak pilih jalur itu.

"Siasat, kalau perlu tindakan, kita ambil tindakan. Kalau perlu hukuman, kita ikut hukuman. Tapi, jangan kita gopoh.

"Kerana kebetulan orang itu kita tidak senangi atau bukan daripada kelompok kita ataupun kita berendam kerana orang itu telah mengambil tindakan kepada kelompok yang dikaitkan dengan kita. Kita harus beringat begitu," katanya pada perjumpaan bersama warga Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Ihya' Ramadan, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan timbalannya, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar serta Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican.



Anwar pada perjumpaan bersama warga KDN dan Ihya' Ramadan di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

ar Nasarah; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar serta Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican.

Ikut proses perundangan

Perdana Menteri berkata, siasatan terhadap penjawat awam yang didakwa melakukan kesalahan perlu dijalankan biarpun ia membabit mereka yang sudah bertahun-tahun berkhidmat dalam kerajaan.

"Orang yang berkurban puluhan tahun dalam semua agensi, kalau kelemahan itu melanggar prinsipnya ataupun kesalahannya besar, itu (siasatan) ikut proses undang-undang.

"Kalau ada aduan yang berat,

bawa kepada prosesnya (siasatan). Sama seperti yang dibicarakan sekarang dalam kes Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)," katanya.

Bloomberg dalam laporan sebelum ini mendakwa, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki memiliki saham dalam sebuah syarikat perkhidmatan kewangan berdasarkan pemfalan korporat.

Bagaimanapun, Azam pada sidang media baru-baru ini, menegaskan pegangan saham miliknya bernilai RM300,000 dalam sebuah syarikat perkhidmatan kewangan dibuat secara telus dan mengikut prosedur.

Media sebelum ini melaporkan, Peguam Negara, Tan Sri Mohd

Dusuki Mokhtar, dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Khas Siasatan isu pemilikan saham oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM.

Jawatankuasa itu turut dianggotai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz dan Johan.

Shamsul Azri pula dilaporkan berkata, jawatankuasa itu akan melaksanakan siasatan terperinci bagi memberikan pengadilannya secara adil kepada pihak disiasat.

Perdana Menteri pada Jumaat lalu, berkata tiada keperluan segera untuk merehatkan Azam sebaliknya menyerahkan kepada jawatankuasa khas yang ditubuhkan untuk melakukan siasatan terlebih dahulu.



BERITA HARIAN 20.02.2026 (JUMAAT)



Pengerusi serta bendahari sebuah (NGO) dan seorang pengarah syarikat direman kerana disyaki mengemukakan dokumen mengandungi butir matan palsu program sumbangan makanan asas kira-kira RM5 juta.

Pertubuhan kemanusiaan taja berbuka puasa disiasat

Kuala Lumpur: Sebuah pertubuhan bersama jawatankuasa masjid dan sering membuat tajaan berbuka puasa, menjadi pertubuhan kemanusiaan terbaharu disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

SPRM menyiasat dan menyerbu tiga badan bukan kerajaan (NGO) sejak tahun lalu, berkaitan bantuan kemanusiaan termasuk sebuah badan terkenal yang mengutip sumbangan untuk Gaza.

Dalam siasatan terbaharu itu, tiga individu termasuk pengerusi dan bendahari ditahan kerana disyaki mengemukakan dokumen mengandungi butir matan

palsu membabitkan program sumbangan makanan asas kira-kira RM5 juta.

BH difahamkan, ketiga-tiga suspek iaitu dua lelaki dan seorang wanita berusia lingkungan 30-an, ditahan antara jam 3 hingga 5 petang semalam ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

Difahamkan juga, siasatan awal mendapati bendahari NGO yang juga pengarah syarikat terbabit disyaki bersubahat melakukan perbuatan itu dengan suspek lain antara 2021 hingga 2023.

"Semua suspek dipercayai mengemukakan dokumen mengandungi butir matan palsu

berkaitan program sumbangan makanan asas dengan niat mengelirukan pihak NGO berkenaan.

"Kegiatan suspek menyebabkan pertubuhan itu membuat pembayaran berjumlah kira-kira RM5 juta," kata satu sumber, semalam.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML), Datuk Norhaizam Muhammad, ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu.

Beliau berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009 dan ketiga-tiga suspek direman empat hari sehingga 28 Februari.



BERITA HARIAN 22.02.2026 (AHAD)

SPRM buru ejen rasuah 'sembunyi' dalam agensi penguatkuasaan

Orang tengah turut jadi 'bendahari gelap' uruskan wang haram kakitangan kerajaan korup

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesan ejen atau orang tengah sindiket jenayah, kini bukan sekadar menjadi perantara kegiatan rasuah dengan sindiket, tetapi turut menjadi 'bendahari gelap' yang menguruskan wang haram kakitangan kerajaan yang korup.

Difahamkan, modus operandi itu berlaku sejak beberapa tahun kebelakangan ini susulan operasi drastik dilakukan pihak berkuasa khususnya SPRM, memandangkan ada agensi kerajaan khususnya jabatan penguatkuasaan itu adalah 'tubuk emas' bagi sindiket.

BH difahamkan, operasi termasuk penahanan ramai kakitangan awam oleh SPRM selama

SPRM beri tumpuan ejen, orang tengah



Keratan akhbar BH, semalam

ini tidak melemahkan 'kedudukan' atau 'fungsi' ejen berkenaan, sebaliknya semakin galak mengatur pelbagai strategi baharu untuk kakitangan kerajaan, khususnya mereka yang lemah integriti dan tamak dengan habuan yang tidak seberapa.

Antara modus operandi yang dikesan adalah ejen dan orang tengah ini mengatur transaksi wang haram penguat kuasa yang terbabit sekiranya mereka bekerjasama dengan sindiket.

Setiap kali urusan itu berlaku, wang haram itu akan dimasukkan ke dalam akaun keldai yang dipinjam atau dibeli ejen, yang akhirnya dapat diakses oleh kakitangan awam untuk membelanja atau membeli barangan mewah. Ia bertujuan memastikan aktiviti itu tidak dikesan oleh pihak berkuasa.

Lebih membimbangkan, ejen dan orang tengah ketika ini semakin berani mencabar kedua-

latar negara disebabkan 'rangkai' sindiket yang tidak berkesudahan kerana mempunyai akses dalaman dan mengetahui selok-belok sistem pentadbiran dalam agensi kerajaan.

BH difahamkan, mereka bukan sekadar orang tengah antara sindiket dan penguat kuasa semata-mata, sebaliknya menjadi perancang strategi, penasihat serta pengurus rundingan untuk memastikan urusan rasuah berjalan lancar tanpa menimbulkan syak wasangka pihak atasan atau pihak berkuasa.

BH difahamkan, walaupun penguat kuasa di sebuah agensi digempur SPRM, rasuah di situ tidak runtuh kerana ia sudah menjadi sistemik memandangkan kewujudan ejen dan orang tengah yang pandai memainkan peranan sehingga sukar dikesan pihak berkuasa.

Semakin membimbangkan

Situasi itu diakui Timbalan Pengerusi (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahya, yang menyifatkan peranan ejen dan orang tengah dalam agensi awam negara semakin membimbangkan hari ini.

Beliau mengakui situasi ini menjadi punca integriti penguat kuasa negara korup disebabkan habuan rasuah yang tidak berkesudahan dan budaya integriti sukar diperkasakan walaupun pelbagai tindakan dilaksanakan SPRM atau agensi penguatkuasaan berkenaan.

"Kali ini, SPRM akan memberi tumpuan dan fokus utama terhadap ejen dan orang tengah kerana kita mahu memastikan budaya rasuah dalam agensi-agensi kerajaan lenyap sepenuhnya. Bukan sekadar kakitangan kerajaan yang korup tetapi pemberi rasuah yang bekerjasama juga ditangani sepenuhnya.

"Tumpuan berkaitan ejen dan orang tengah ini juga adalah bagi memastikan kecekapan, keberkesanan selain kualiti perkhidmatan dan perbekalan yang diterima kerajaan dan masyarakat benar-benar terjamin.

"Kali ini SPRM tidak akan bersemdirian dalam menangani isu ini, sebaliknya akan memastikan kerjasama strategik antara pelbagai agensi dijalankan untuk memastikan isu ini dapat ditangani dengan berkesan serta berterusan," katanya kepada BH, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Ahmad Khusairi memberi jaminan tindakan tegas akan dikenakan kepada kumpulan dan individu yang dikesan menjadi ejen, orang tengah mahupun pelobi ini.

"Mesej jelas kami adalah rasuah dalam apa jua bentuk termasuk melalui orang tengah tidak akan sesekali ditoleransi," katanya.

Semalam, BH melaporkan siasatan SPRM pada tahun ini akan

memberi lebih tumpuan kepada ejen dan orang tengah, berbanding langkah biasa memburu penguat kuasa yang korup.

Ia selari dengan titah Sultan Ibrahim yang bukan sekadar mahu pegawai dikenal pasti gagal melaksanakan tanggungjawab dengan amanah dan berintegriti ditukarkan segera, malah ejen yang menjadi 'orang tengah' juga perlu berada dalam radar.

Minggu lalu, Sultan Ibrahim mahu mana-mana pegawai dikenal pasti gagal melaksanakan tanggungjawab dengan amanah dan berintegriti untuk ditukarkan segera.

Baginda bertitah, jika ada pegawai tidak mampu melaksanakan amanah dengan jujur, berikan peluang kepada mereka yang lebih layak dan bersih untuk menjalankan tanggungjawab berkenaan.

"Berhati-hati juga mereka di Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan pelbagai lagi. Tidak terlepas juga Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Tidak kira apa pangkat anda. Begitu juga ejen yang menjadi 'orang tengah' dan pembekal pelbagai peralatan, pakaian serta perubatan, anda juga dalam 'radar'," titah baginda.





SINAR HARIAN
23.02.2026
(ISNIN)

Exco Terengganu ditahan SPRM

Disyaki salah guna jawatan
lantik anak di GLC negeri

Oleh NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Terengganu menahan seorang Exco kerajaan negeri kerana disyaki menyalahgunakan jawatan dan kedudukannya dengan mengarahkan dua anaknya diambil bekerja di sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Menurut sumber, suspek lelaki berusia lingkungan 60-an itu ditahan kira-kira jam 11.15 pagi pada Ahad ketika hadir memberikan keterangan di Pejabat SPRM Kemaman.

"Siasatan awal mendapati suspek disyaki melakukan perbuatan tersebut sekitar tahun 2018 dan 2020.

"Suspek yang juga merupakan seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di salah sebuah daerah di negeri ini dipercayai menggunakan kedudukannya sebagai Exco dan Pengerusi Lembaga Pengarah sebuah syarikat untuk mengarahkan kedua-dua



Exco kerajaan negeri itu ditahan kira-kira jam 11.15 pagi Ahad ketika hadir memberikan keterangan di Pejabat SPRM Kemaman.

anaknya diambil bekerja di dua anak syarikat kerajaan negeri," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Terengganu, Hazrul Shazreen Abd Yazid ketika dihubungi mengesahkan penahanan

berkenaan.

Beliau berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

"Suspek dijangka akan dituduh di mahkamah dalam masa terdekat," ujarnya.

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU





SINAR HARIAN
23.02.2026
(ISNIN)

KSU Kementerian Ekonomi antara saksi dipanggil SPRM

SHAH ALAM - Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Ekonomi antara beberapa saksi yang dijangka dipanggil dalam masa terdekat untuk memberi penjelasan berhubung pelaksanaan perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan sebuah syarikat asing yang dianggarkan bernilai RM1.1 bilion. Menurut sumber, ia susulan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah membuka kertas siasatan isu terbabit.

"Kes ini berkaitan isu ketirisan dana kerajaan. Berdasarkan maklumat awal, cadangan ini dikatakan tidak mendapat persetujuan daripada Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, namun perjanjian ini dimeterai secara tergesa-gesa," katanya.

Sumber berkata, beberapa individu turut dikatakan diberikan jawatan yang tinggi di dalam syarikat berkenaan selepas berhenti dari kementerian terbabit.

"Sehubungan itu, beberapa saksi termasuk KSU kementerian dijangka dipanggil untuk memberi penjelasan berhubung pelaksanaan perjanjian ini," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya ketika dihubungi mengesahkan perkara berkenaan.

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU





SINAR HARIAN
23.02.2026
(ISNIN)

Azam Baki dipanggil beri keterangan isu pemilikan saham Khamis lepas



SHAMSUL AZRI

PUTRAJAYA - Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki telah dipanggil untuk memberi keterangan berkaitan isu pemilikan saham pada 19 Februari lepas, kata Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Bellau dalam kenyataan pada Ahad memaklumkan, Jawatankuasa Khas Siasatan bagi isu pemilikan saham Azam telah bersidang pada 19 Februari dan berdasarkan laporan awal yang diterima, jawatankuasa itu sedang meneliti aspek pematuhan dan keteraturan pemilikan saham berkenaan oleh Azam.

"Jawatankuasa juga masih dalam proses menilai segala keterangan yang diperoleh dan akan memanggil saksi lain yang berkaitan bagi melengkapkan siasatan terhadap perkara itu.

"Jawatankuasa memberi jaminan siasatan menyeluruh akan dilaksanakan secara telus, bebas dan profesional," katanya.

Shamsul Azri turut memaklumkan hasil siasatan dan syor pertimbangan bagi tindakan selanjutnya akan diangkat kepada pihak berkuasa, termasuk sekiranya didapati wujud sebarang pelanggaran terhadap mana-mana undang-undang jenayah atau peraturan yang berkuat kuasa.

Media melaporkan, Peguam Negara, Tan Sri Mohd Dusuki Mokhtar dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Khas Siasatan isu pemilikan saham oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM itu.

Turut menganggotai jawatankuasa berkenaan ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Datuk Johan Mahmood Merican.

Bloomberg dalam laporannya sebelum ini mendakwa Azam memiliki saham dalam sebuah syarikat perkhidmatan kewangan berdasarkan pemfailan korporat.

Azam bagaimanapun pada sidang media baru-baru ini menegaskan pegangan saham miliknya bernilai RM800,000 dalam sebuah syarikat perkhidmatan kewangan dibuat secara telus dan mengikut prosedur. - Bernama



BERITA HARIAN 23.02.2026 (ISNIN)

SPRM tahan EXCO Terengganu disyaki salah guna kuasa

Kuala Terengganu: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Terengganu menahan seorang EXCO kerajaan negeri pagi semalam, selepas disyaki menyalah guna jawatan dan kedudukan.

EXCO berkenaan dipercayai

mengarahkan dua anaknya diambil bekerja di sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di negeri itu.

Sumber berkata, suspek lelaki berusia lingkungan 60-an itu ditahan jam 11.15 pagi semalam ketika hadir memberi ketera-

ngan di pejabat SPRM Keman.

"Siasatan awal mendapati, EXCO berkenaan dikatakan melakukan perbuatan itu pada 2018 dan 2020.

"Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), di-

percayai menggunakan jawatan dan kedudukan sebagai EXCO serta Pengerusi Lembaga Pengarah sebuah syarikat, dalam mengarahkan dua anaknya diambil bekerja di dua anak syarikat kerajaan negeri," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Terengganu, Hazrul Shazreen Abd Yazid, ketika dihubungi mengesahkan penahanan berkenaan.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.



BERITA HARIAN
23.02.2026
(ISNIN)

Orang politik, bekas pegawai kanan ejen kaut untung perolehan kerajaan

Aktif melobi tender projek bernilai tinggi dengan tujuan gandakan keuntungan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Orang politik, bekas pegawai kanan kerajaan, serta perunding tiruan dikenal pasti sebagai ejen atau orang tengah yang berperanan dalam sesebuah projek atau perolehan kerajaan.

Mereka beroperasi dengan pelbagai cara, termasuk menjadi pemudah cara atau 'runner', bertanggungjawab memastikan keuntungan perolehan kerajaan berpihak kepada pihak tertentu.

Sumber berkata, ejen dan orang tengah ini aktif melobi tender projek dan memastikan perolehan bernilai tinggi dimenangi oleh mereka, dengan tujuan menggandakan keuntungan yang akhirnya terpaksa ditanggung bukan hanya oleh kerajaan, tetapi juga rakyat Malaysia.

"Dalam agensi penguatkuasaan negara, orang tengah ini akan menggunakan pelbagai langkah untuk merekrut kakitangan kerajaan dengan habuan yang lumayan.

"Mereka akan menggunakan apa sahaja cara untuk masuk atau kekal dalam organisasi itu, supaya urusan mereka dapat dilaksanakan dengan mudah. Penguat kuasa yang mempunyai integriti lemah seringkali akan melindungi ejen ini demi keuntungan mereka," katanya kepada BH, semalam.

Sumber berkata, kehadiran orang tengah ini menjadi punca kepada pelbagai masalah yang ditanggung oleh rakyat Malaysia, terutama dalam isu kepenggunaan.

Sebagai contoh, kenaikan kos bahan yang akhirnya dipikul oleh rakyat berpunca daripada kualiti perkhidmatan yang terpaksa dikompromi disebabkan oleh pembabit ejen yang mengawal sistem, termasuk spesifikasi dan penentuan harga siling.

Kelmarin, BH melaporkan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesan ejen atau orang tengah sindiket jenayah, kini bukan sekadar menjadi perantara kegiatan rasuah dengan sindiket, tetapi turut menjadi 'bendahari gelap' yang menguruskan wang haram kakitangan kerajaan yang korup.

Difahamkan, modus operandi itu berleluasa sejak beberapa tahun kebelakangan ini susulan

operasi drastik dilakukan pihak berkuasa khususnya SPRM, memandang ada agensi kerajaan khususnya jabatan penguatkuasaan itu adalah 'lubuk emas' bagi sindiket.

Antara modus operandi yang dikesan adalah ejen dan orang tengah mengatur transaksi wang haram penguat kuasa yang terbabit sekiranya mereka bekerjasama dengan sindiket.

Setiap kali urusan itu berlaku, wang haram berkenaan akan dimasukkan ke dalam akaun keldai yang dipinjam atau dibeli ejen, yang akhirnya dapat diakses oleh kakitangan awam untuk berbelanja atau membeli barangan mewah. Ia bertujuan memastikan aktiviti itu tidak di-

Mereka ini bukan sekadar penghubung transaksi sebaliknya sebagai 'bendahari gelap' kepada pihak berkuasa malah turut berperanan sebagai pelindung identiti pegawai korup dan penyusun rundingan tender

Jais Abdul Karim,
Presiden MCW

SPRM buru ejen rasuah 'sembunyi' dalam agensi penguatkuasaan

Keratan
akhbar BH
Ahad,
semalam.

kesan oleh pihak berkuasa.

Situasi membimbangkan
Timbalan Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya, menyifatkan peranan ejen dan orang tengah dalam agensi awam negara semakin membimbangkan.

Beliau mengakui situasi ini menjadi punca integriti penguat kuasa negara korup disebabkan habuan rasuah yang tidak berkesudahan dan budaya integriti

sukar diperkasakan walaupun pelbagai tindakan dilaksanakan SPRM atau agensi penguatkuasaan berkenaan.

Sementara itu, Presiden Permerhati Rasuah Malaysia (MCW), Jais Abdul Karim, mendedahkan, ejen dan orang tengah dalam organisasi kerajaan kini semakin bijak dan tidak lagi berurusan secara langsung dengan kakitangan kerajaan yang korup.

"Ejen dan orang tengah dalam agensi penguatkuasaan dan perolehan negara sudah menjadi indikator rasuah tahap kedua (*second-layer corruption*), kerana jika sebelum ini pegawai korup berurusan secara langsung, kini mereka bekerjasama dengan pelbagai istilah.

"Mereka kini digelar sebagai proksi luar, konsultan palsu, *runner* atau pemudah cara malah syarikat 'shell' yang meragukan.

"Mereka ini bukan sekadar penghubung transaksi sebaliknya sebagai 'bendahari gelap' kepada pihak berkuasa malah turut berperanan sebagai pelindung identiti pegawai korup dan penyusun rundingan tender," katanya.

Katanya, dalam sektor perolehan pula kehadiran mereka lebih terancang, tersusun dan berlapis kerana ejen dan orang tengah mengawal akses kepada maklumat tender awal, spesifikasi teknikal, penentuan harga siling, pembahagian projek secara kartel.

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

UIPP
UNIT INTEGRITI & PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



BERITA HARIAN 23.02.2026 (ISNIN)

Isu ketirisan dana kerajaan RM1.1b

KSU kementerian antara dipanggil SPRM

Kuala Lumpur: Ketua Setiausaha (KSU) sebuah kementerian antara yang dijangka dipanggil bagi mendengar penjelasan berhubung pelaksanaan perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan sebuah syarikat asing yang dianggarkan bernilai RM1.1 bilion.

Difahamkan, ia susulan kertas

siyasatan dibuka Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung satu perjanjian antara kerajaan dengan sebuah syarikat asing dianggar bernilai RM1.1 bilion.

"Kes ini berkaitan isu ketirisan dana kerajaan yang membabitkan peruntukan besar iaitu RM1.1 bilion.

"Berdasarkan maklumat awal, cadangan ini dikatakan tidak mendapat persetujuan Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), malah ia dimeterai secara tergesa-gesa," katanya.

Sumber berkata, beberapa individu turut dikatakan diberi ja-

watan tinggi dalam syarikat berkenaan selepas berhenti daripada kementerian terbabit.

Enggan ulas lanjut

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya, ketika dihubungi mengesahkan perkara berke-

naan, tetapi enggan mengulas lanjut.

Sebelum ini, beberapa aduan dibuat oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berhubung perjanjian yang dikatakan dibuat secara tergesa-gesa dan berat sebelah sehingga dijangka memberi kesan kepada kerajaan.



HARIAN METRO
24.02.2026
(SELASA)

Didakwa suap **RM8 juta** untuk dapat pinjaman **RM400 juta**

Bekas Pengarah Urusan V Telecoms dituduh beri rasuah kepada presiden bank 14 tahun lalu

Kuala Lumpur

Ahli perniagaan yang juga bekas Pengarah Urusan Syarikat V Telecoms Berhad Datuk Ranjeet Singh Sidhu semalam mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan memberi suapan RM8 juta kepada bekas presiden sebuah bank, 14 tahun lepas.

Ranjeet, 56, didakwa memberi suapan itu kepada bekas presiden dan pengarah urusan bank berkenaan melalui seorang individu sebagai upah untuk membantu meluluskan permohonan pinjaman RM400 juta oleh Syarikat V Telecoms Berhad.

Pinjaman itu bagi membiayai projek pembangunan rangkaian gentian optik pesisir pantai yang merangkumi keseluruhan Semenanjung Malaysia.

Beliau didakwa melakukan perbuatan itu di sebuah bank di Jalan Sultan Ismail, dekat sini, pada 29 Jun 2012 mengikut Seksyen 16(b)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Jika sabit kesalahan, tertuduh berdepan hukuman maksimum penjara 20 tahun serta denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi.

Ranjeet turut berdepan pertuduhan mengemukakan dokumen mengandungi butir matan palsu melibatkan *Joint Completion Guarantee* sebagai memenuhi syarat kelulusan permohonan pinjaman berju-



RANJEET dibawa ke Mahkamah Sesyen bagi menghadapi pertuduhan memberi rasuah RM8 juta kepada presiden sebuah bank bagi meluluskan permohonan pinjaman RM400 juta. - Gambar NSTP/ASWADI ALIAS

mlah RM400 juta untuk membiayai projek sama, pada masa dan di tempat serupa.

Bagi pertuduhan itu, beliau didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksan yang membawa hu-

kuman maksimum penjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Farah Ezlin Yusop Khan menawarkan jaminan RM150,000 dengan seorang

penjamin berserta syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah dan tertuduh perlu melaporkan diri sebulan sekali di ibu pejabat SPRM sehingga kes selesai.

Peguam Datuk Gobinath

Mohanna yang mewakili tertuduh bagaimanapun memohon jumlah jaminan rendah dan memaklumkan pasport anak guamnya kini dalam simpanan SPRM.

Hakim Rosli Ahmad

membenarkan Ranjeet diikat jamin RM150,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan seperti dimohon pendakwaan dan menetapkan 30 Mac ini untuk sebutan semula kes.

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU





SINAR HARIAN
24.02.2026
(SELASA)

Suapan RM8 juta untuk pinjaman RM400 juta

KUALA LUMPUR -

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang bekas pengarah sebuah syarikat telekomunikasi kerana disyaki memberi rasuah kira-kira RM8 juta.



MOHAMAD ZAMRI

Suapan berkenaan dipercayai diberikan kepada pengarah urusan kumpulan sebuah bank sebagai balasan untuk membantu meluluskan permohonan pinjaman.

Menurut sumber, lelaki berusia lingkungan 50-an itu ditahan kira-kira jam 12.30 tengah hari tadi ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya.

Sumber berkata, siasatan awal mendapati suspek disyaki melakukan perbuatan tersebut pada 2012.

"Suspek juga dipercayai mengemukakan dokumen yang mengandungi butir material palsu melibatkan dokumen *Joint Completion Guarantee* bagi memenuhi syarat kelulusan permohonan pinjaman berjumlah kira-kira RM400 juta untuk membiayai sebuah projek gentian optik," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin ketika dihubungi mengesahkan penahanan berkenaan dan berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 16(b)(A) Akta SPRM 2009 serta Seksyen 471 Kanun Keseksaan.

Beliau berkata, suspek akan dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, hari ini. - *Bernama*

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU





BERITA HARIAN
24.02.2026
(SELASA)

Disyaki salah guna kedudukan

EXCO Terengganu dituduh hari ini

Kuala Lumpur: Seorang EXCO kerajaan Terengganu yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki menyalah guna kedudukan beberapa tahun lalu, akan dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, Terengganu, hari ini.

BH difahamkan, SPRM sudah mendapat keizinan pendakwa

raya untuk mendakwa pemimpin berkenaan dan dijangka dilakukan pada jam 9 pagi ini.

Kelmarin, SPRM Terengganu dilaporkan menahan seorang EXCO kerajaan negeri kerana disyaki salah guna kedudukan dengan mengarahkan kedua-dua anaknya diambil bekerja di sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) negeri.

Difahamkan, lelaki berusia 60-an itu ditahan pagi kelmarin, ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Kemaman.

Siasatan awal mendapati suspek disyaki melakukan perbuatan berkenaan pada 2018 dan 2020.

Beliau dikatakan menggunakan jawatan dan kedudukan se-

bagai EXCO dan Pengerusi Lembaga Pengarah sebuah syarikat untuk mengarahkan kedua-dua anaknya diambil bekerja di dua anak syarikat kerajaan negeri.

Pengarah SPRM Terengganu, Hazrul Shazreen Abd Yazid, ketika dihubungi mengesahkan penahanan dan berkata kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.



BERITA HARIAN 25.02.2026 (RABU)

SPRM siasat lebih 10 kes besar, berprofil tinggi sejak Januari

Momentum ditunjukkan bukti komitmen perangi rasuah

Oleh Ilah Hafiz Aziz dan Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sekurang-kurangnya 10 kes besar dan berprofil tinggi diambil tindakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sejak Januari lalu hingga kini, sekali gus membuktikan komitmennya dalam memerangi rasuah dalam negara.

Kejayaan itu dijangka disusuli beberapa lagi siasatan mega sepanjang tahun ini, sekali gus meneruskan momentum kece merlangan agensi antirasuah itu pada 2025 yang disifatkan sebagai tahun paling cemerlang sejak penubuhannya.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, sebelum ini mengakui 2025 sebagai tahun terbaik agensi itu, dengan sekurang-kurangnya sembilan kes mega dan berprofil tinggi diambil tindakan mengikut undang-

undang, termasuk membabitkan pegawai kanan kerajaan.

Sepanjang 2025, SPRM menyita kira-kira RM567 juta mengikut Akta SPRM 2009 serta RM6.3 bilion mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AM-LATFPUAA 2001).

Selain itu, pembekuan aset di bawah AMLATFPUAA berjumlah RM36.14 juta, manakala lucut hak membabitkan RM7.14 juta (Akta SPRM), RM175,120 (AM-LATFPUAA) serta RM175,140 mengikut Kanun Tatacara Jenayah dan lain-lain peruntukan.

Bagi kompaun pula, jumlah keseluruhan mencecah RM49.58 juta, selain kira-kira RM1.5 bilion diperoleh menerusi kaedah lain pemulihan aset.

Sehingga November 2025, SPRM membuka 966 kertas siasatan daripada 6,114 aduan diterima. Seramai 1,128 individu ditahan, dengan 445 daripadanya didakwa dan 189 disabitkan kesalahan.

Daripada jumlah tahanan itu, 423 adalah penjawat awam, orang awam (163), sektor swasta (504), syarikat berkaitan kerajaan atau GLC (34) dan ahli politik (empat). Seramai 904 yang ditahan adalah lelaki, manakala 224 wanita.

Antara kes yang mengemparkan negara tahun ini termasuk siasatan terhadap dakwaan penyalahgunaan dana Angkatan Tentera Malaysia (ATM) membabitkan beberapa pegawai tertinggi, termasuk Panglima Angkatan Tentera, Panglima Angkatan Tentera Darat dan Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan.

Turut mencetuskan perhatian ialah penahanan dua Ketua Pengarah jabatan kerajaan masing-masing dari Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) yang disyaki terbabit rasuah.

Dalam kes pengurusan sisa elektronik (e-waste), turut ditahan ialah Timbalan Ketua Pengarah JAS.

Selain itu, seorang tokoh kewangan Islam negara ditahan bulan lalu bagi membantu siasatan penipuan pelaburan berjumlah RM300 juta, manakala siasatan transaksi kewangan serta pemilikan aset luar negara dianggarkan bernilai RM2.5 bilion membabitkan IJM Corporation Berhad turut membawa kepada penahanan pengurusan tertingginya.

Dalam perkembangan berkaitan, SPRM pada 12 Februari lalu menahan bekas setiausaha politik kepada Ketua Menteri Melaka bagi membantu siasatan

kes suapan RM3 juta sebagai balasan membantu urusan konsesi penambakan laut.

Tindakan itu disusuli penahanan seorang EXCO kerajaan negeri pada 22 Februari lalu kerana disyaki menyalahgunakan jawatan dan kedudukan.

Operasi khas dilaksanakan

Pada masa sama, beberapa badan bukan kerajaan (NGO) yang menggunakan platform kemanusiaan turut disiasat atas dakwaan penyalahgunaan dana awam, termasuk sebuah pertubuhan terkenal yang memperjuangkan isu Gaza.

Antara kes berprofil tinggi tahun lalu ialah siasatan terhadap Perdana Menteri kesembilan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, membabitkan rampasan wang tunai kira-kira RM169 juta serta 16 kilogram jongkong emas yang ditemukan di sebuah premis dipercayai safehouse.

Pada 1 Oktober 2025, Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur membenarkan wang yang disita itu dilucuthak kepada kerajaan selepas tiada pihak tampil menuntutnya.

Beberapa operasi khas turut dilaksanakan bagi membante-

ras jenayah rasuah dan salah guna kuasa, antaranya Ops Rentas (counter setting), Ops Tiger (penipuan pegawai bank), Ops Meta (besi buruk), Ops Karen (diesel haram), Ops Grip (tayar seludup), Ops Kembali, Ops Sky dan Ops Sohor.

Dalam Ops Rentas, seramai 27 individu, termasuk 18 pegawai agensi penguat kuasa ditahan, manakala 57 akaun bank membabitkan nilai kira-kira RM2.7 juta dibekukan di Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor.

Bagi Ops Tiger, seramai 49 individu daripada beberapa firma guaman didakwa secara berperingkat di Mahkamah Sesyen Shah Alam mengikut Seksyen 16(a) Akta SPRM 2009.

Melalui Ops Grip pula, SPRM menggempur syarikat disyaki terbabit penyeludupan tayar serta pemalsuan dokumen import dan eksport yang menyebabkan kerugian hasil cukai dianggarkan RM350 juta sejak 2020 hingga 2025.

Dalam operasi itu, sebanyak 17,672 tayar dirampas selain pembekuan akaun persendirian dan syarikat membabitkan anggaran RM70 juta.



BERITA HARIAN

25.02.2026

(RABU)

Salah guna kedudukan

EXCO Terengganu dituduh arah 2 anak diambil bekerja

Kuala Terengganu: Ahli Majlis Mesyuarat (EXCO) Kerajaan Terengganu, Datuk Hanafiah Mat, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas dua pertuduhan menyalah guna kedudukan bagi mendapatkan suapan membabitkan ahli keluarganya.

Tertuduh yang juga Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Utiliti dan Pembangunan Luar Bandar Terengganu serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chukai, mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan sebaik pertuduhan dikemukakan terhadapnya di hadapan Hakim, Azman Mustafa.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa mengguna kedudukannya sebagai EXCO dan Pengerusi Pangkalan Bekalan Kemaman Sdn Bhd (PBKSB) untuk mendapatkan suapan bagi anak kandungnya, Mohd Najmi Hanafiah, pada 15 Ogos 2020.

Bagi pertuduhan kedua, beliau didakwa melakukan perbuatan sama pada 18 Jun 2020 bagi mendapatkan suapan untuk

seorang lagi anak kandungnya, Ahmad Kamil Hanafiah.

Kedua-dua kesalahan itu didakwa dilakukan di Pejabat EPIC Berhad, Tingkat 2, Bangunan Annexe, Pangkalan Bekalan Kemaman, Teluk Kalong, Kemaman.

Kedua-dua pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh berdepan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Susulan pengakuan tidak bersalah oleh tertuduh, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang diwakili Timbalan Pendakwa Raya, Rabiatul Addawiah Mohd Noorlee, memohon jaminan RM50,000 terhadap tertuduh.

Tertuduh diwakili peguam

bela, Mohd Fadly Hashim, memohon jaminan rendah selain pasport milik tertuduh tidak diserahkan kepada mahkamah atas alasan tertuduh tidak berisiko melarikan diri, selain mempunyai tanggungan dua isteri serta 13 orang anak.

Mahkamah kemudian membenarkan jaminan RM30,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan tertuduh perlu melapor diri di pejabat SPRM setiap bulan serta menetapkan 12 April ini untuk sebutan bagi tujuan pengurusan kes.

Ahad lalu, *BH* melaporkan SPRM Terengganu menahan seorang EXCO Terengganu kerana disyaki menyalah guna kedudukan dengan mengarahkan kedua-dua anaknya diambil bekerja di sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) negeri.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar, berkata Hanafiah kekal bertugas sehingga kes selesai kerana kapasiti sebagai EXCO tidak menjejaskan proses pendakwaan dan perbicaraan.



Hanafiah hadir di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, semalam.

(Foto Ghazali Kari/BH)



BERITA HARIAN

25.02.2026

(RABU)

3 pegawai penguat kuasa antara 12 ditahan disyaki ejen tonto

SPRM serbu kediaman, syarikat dipercayai simpan dokumen rasuah lindungi pemilik lori

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan 12 individu termasuk tiga pegawai penguat kuasa kerana disyaki terbabit dalam kegiatan tonto serta rasuah bagi melindungi pemilik lori di Semenanjung.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya, berkata penahanan dilakukan menerusi Ops Middleman hasil serbuan ke atas beberapa kediaman dan syarikat di sekitar Lembah Klang serta Negeri Sembilan, awal pagi semalam.

Beliau berkata, lokasi diserbu dipercayai menjadi tempat penyimpanan dokumen berkaitan urusan rasuah membabitkan ejen dan orang tengah yang dipercayai aktif sejak 2023.

"Seramai 12 suspek lelaki berusia lingkungan 20-an hingga 50-an ditahan antara jam 5.30 hingga 7 pagi menerusi Ops Middleman yang dijalankan Cawangan Projek Khas, Bahagian Perisikan SPRM bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

"Sembilan daripada mereka disyaki bertindak sebagai ejen

dan orang tengah yang menawarkan serta memberi rasuah antara RM100 hingga RM4,500 sebulan kepada pegawai penguat kuasa JPJ Kuala Lumpur dan Selangor.

"Sebagai balasan, pegawai terbabit dipercayai melindungi serta tidak mengambil tindakan terhadap lori yang melakukan kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Ahmad Khusairi berkata, semua suspek dibawa ke Ibu Pejabat SPRM Putrajaya bagi dirakam keterangan.

Katanya, siasatan awal mendapati wang rasuah dimasukkan ke dalam akaun keldai sebelum dikeluarkan oleh pegawai penguat kuasa yang terbabit.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009," katanya.

Gejala pada tahap serius

Dalam pada itu, beliau berkata, sekurang-kurangnya 300 syarikat termasuk pemilik kenderaan perdagangan dikesan menggunakan khidmat tonto bagi melancarkan kegiatan haram di jalan raya dengan merasuah penguat kuasa.

Gejala itu, katanya, berada pada tahap serius dan semakin bersifat sistemik sehingga sukar dibendung sepenuhnya.

Katanya, kewujudan orang tengah dan ejen dalam sektor penguatkuasaan ibarat 'bom jangka' yang boleh menjejaskan keselamatan negara serta pengguna jalan raya.

"Dalam kes Ops Middleman, ratusan syarikat didapati bertindang di bawah sindiket orang tengah dengan membayar rasuah secara bulanan.



Pegawai SPRM melakukan pemeriksaan di sebuah kediaman dan syarikat (gambar bawah) dalam Ops Middleman di Kuala Lumpur, semalam. (Foto SPRM)

"Ia bagi mengelakkan tindakan terhadap kenderaan perdagangan yang melakukan pelbagai kesalahan seperti lebih muatan, melanggar spesifikasi serta aspek keselamatan jalan raya," katanya kepada BH, semalam.

BH sebelum ini melaporkan ejen atau orang tengah bukan sekadar bertindak sebagai perantara rasuah, malah berperanan sebagai 'bendahari gelap' yang menguruskan wang haram pegawai kerajaan yang korup.





BERITA HARIAN 25.02.2026 (RABU)

Pegawai JKM dituduh salah guna wang bantuan RM15,000



Tertuduh dibawa ke Mahkamah Sesyen Alor Setar, semalam.

(Foto Wan Nabil Nasir/BH)

Alor Setar: Seorang pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan menyalahgunakan wang bantuan membaiki rumah berjumlah RM15,000 pada 2016 dan 2017.

Tertuduh Mohamad Zarir Mohd Khozali, 46, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan meminta dibicarakan selepas pertuduhan ke atasnya dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim N Priscilla Hemamalini.

Bagi pertuduhan pertama, tertuduh sebagai Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Kulim didakwa secara curang menyalahgunakan bantuan membaiki rumah

berjumlah RM3,000 milik Umi Kalsom Awang, 39.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kulim pada 19 September 2016.

Bagi pertuduhan kedua pula, tertuduh didakwa secara curang menyalahgunakan bantuan membaiki rumah berjumlah RM12,000 milik Siti Daoyah Awang, 77, dan Azizah Ishak, 72.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di Bank CIMB, Jalan Tuanku Putra, Kulim pada 2 Oktober 2017.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan

boleh dihukum penjara maksimum lima tahun dan sebat serta didenda.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Nurul Atikah Ab Rashid, manakala tertuduh diwakili peguam Mohd Hakim Hamran.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM13,000 berserta seorang penjamin dan dia tidak dibenarkan mengganggu saksi pendakwaan sepanjang tempoh perbicaraan.

Hakim kemudian menetapkan 8 April depan sebagai tarikh sebutan semula kes dan proses serahan dokumen.



HARIAN METRO
26.02.2026
(KHAMIS)

Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi
mhafis@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman seorang pengurus serta bendahari sebuah badan bukan kerajaan (NGO) dan seorang pengarah syarikat kerana disyaki mengemukakan dokumen mengandungi butir matan palsu membabitkan program sumbangan makanan asas berjumlah kira-kira RM5 juta.

Perintah reman selama empat hari sehingga 28 Februari ini terhadap ketiga-tiga suspek dikeluarkan oleh Majistret Ezrene Zakariah selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

Menurut sumber, ketiga-tiga suspek terdiri daripada dua lelaki dan seorang wanita berusia lingkungan 30-an ditahan antara jam 3 hingga 5 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

"Siasatan awal mendapati kesemua suspek di mana bendahari NGO terbabit juga merupakan pengarah syarikat itu disyaki bersubahat melakukan perbuatan itu pada tahun 2021 hingga 2023.

"Kesemua suspek dipercayai mengemukakan dokumen yang mengandungi butir matan palsu berkaitan program sumbangan



PENGURUS, bendahari NGO dan pengarah syarikat dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya untuk perintah reman, semalam.

Disyaki subahat 'songlap' RM5j!

Pengerusi serta bendahari sebuah NGO bersama seorang pengarah syarikat direman SPRM

makanan asas dengan niat untuk mengelirukan pihak NGO tempat pengurus dan bendahari itu berkhidmat sehingga menyebabkan pertubuhan itu mem-

buat pembayaran berjumlah kira-kira RM5 juta," katanya.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram

(AML), Datuk Norhaizam Muhammad ketika dihubungi mengesahkan penahanan dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.



HARIAN METRO
26.02.2026
(KHAMIS)



SUSPEK ditahan ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Melaka kelmarin sebelum dibawa ke Kompleks Mahkamah Ayer Keroh pagi semalam.

Pengetua direman lima hari

Melaka: Pengetua sebuah sekolah agama direman lima hari bagi membantu siasatan meminta dan menerima rasuah kira-kira RM10,000 daripada pemilik syarikat bagi meluluskan tuntutan bayaran pembekalan makanan bermasak.

Lelaki berusia 40-an itu direman bermula semalam oleh Majistret Uthman Abd Ghani selepas mendapat permohonan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

(SPRM) Melaka mengikut peruntukan Seksyen 117 Kanun Acar Jenayah bagi membantu siasatan.

Sumber memberitahu, suspek ditahan kira-kira jam 3 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Melaka sebelum dibawa ke Kompleks Mahkamah Ayer Keroh pagi semalam.

Menurutnya, siasatan awal mendapati suspek disyaki melakukan perbuatan itu pada 2024 dan menerima wang rasuah se-

cara tunai.

"Suspek dipercayai mengarahkan syarikat pembekal terbabit untuk membekal makanan bermasak bagi pelajar sekolah agama itu tetapi pembekalan dibuat tidak sempurna," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka, Datuk Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan penahanan suspek dan memberitahu kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU





HARIAN METRO
26.02.2026
(KHAMIS)

Pesara direman kes salah guna kuasa demi habuan RM700k

Georgetown: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang menahan reman pesara sebuah agensi pihak berkuasa tempatan (PBT) selama lima hari bermula semalam bagi membantu siasatan berhubung kes salah guna kedudukan bagi mendapatkan habuan bernilai kira-kira RM700,000.

Menurut sumber, lelaki berusia 56 tahun itu memegang jawatan terakhir sebagai Penolong Jurutera Kanan bersara pada Jun tahun lalu dan ditahan ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM, Jalan Sultan Ahmad Shah di sini, kira-kira jam 1 tengah hari kelmarin.

"Siasatan mendapati suspek dipercayai menyalahgunakan kedudukannya untuk mendapatkan tender pembekalan dan kerja-kerja penyelenggaraan serta pembaikan kenderaan di bawah seliaan agensi berkeajaan antara 2024

Suspek memegang jawatan terakhir sebagai Penolong Jurutera Kanan



SEORANG pesara sebuah agensi PBT di Pulau Pinang direman bagi membantu siasatan berhubung dakwaan salah guna kedudukan.

hingga 2025.

"Suspek dipercayai melakukan perbuatan itu dengan menggunakan syarikat milik isterinya sebagai saluran mendapatkan ha-

buhan berjumlah kira-kira RM700,000," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009 kerana menyalahgunakan kedudukan demi untuk kepentingan diri.

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

UIPP
UNIT INTEGRITI & PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



BERITA HARIAN 26.02.2026 (KHAMIS)

SPRM temui senarai nama penguat kuasa terima rasuah daripada tonto

Penemuan hasil soal siasat beberapa suspek utama ditahan dalam Ops Middleman

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menemui senarai nama penguat kuasa yang disyaki menerima rasuah daripada sindiket orang tengah bergelar tonto, susulan serbuan terbaharu, kelmarin.

Penemuan itu hasil soal siasat terhadap beberapa suspek utama yang ditahan dalam Ops Middleman, yang dijalankan di beberapa negeri sejak kelmarin.

BH difahamkan, siasatan mendapati penguat kuasa terbabit menerima rasuah bulanan antara RM1,600 hingga RM2,500 daripada orang tengah syarikat atau pemilik kenderaan perdagangan bagi memastikan tiada tindakan undang-undang dikenakan ke atas mereka.

Pengarah Kanan Bahagian Perisikan SPRM, Datuk Saiful Ezral Arifin, ketika dihubungi *BH* mengesahkan perkara itu dan berkata siasatan agresif sedang dijalankan SPRM ketika ini.



Sebahagian daripada 13 suspek tonto dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam untuk permohonan reman.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Sementara itu, satu sumber SPRM berkata, seramai 10 individu turut ditahan dan direman semalam, kerana disyaki mendalangi kartel tonto yang terbabit dalam kegiatan rasuah.

"Hasil soal siasat suspek utama mendedahkan kegiatan tonto ini membabitkan anggota penguat kuasa pelbagai agensi. SPRM juga memperoleh senarai nama pegawai dan anggota penguat kuasa yang bersekongkol dengan sindiket terbabit," katanya.

Difahamkan, sindiket itu menggunakan modus operandi memasukkan wang rasuah ke akaun keldai individu tertentu, manakala kad ATM diberikan kepada anggota penguat kuasa bagi mengelak dikesan.

Malah, sindiket tonto yang tumpas dalam Ops Middleman kelmarin, dikesan menyalurkan

jutaan ringgit bagi 'membeli' pegawai penguat kuasa untuk melindungi pemilik kenderaan perdagangan.

BH difahamkan, syarikat termasuk pemilik kenderaan perdagangan membayar sindiket itu bagi memastikan operasi mereka berjalan lancar tanpa gangguan pihak berkuasa seperti Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ).

Elak kena tindakan

Sumber memaklumkan, wang yang disalurkan itu bertujuan mengelakkan tindakan undang-undang terhadap kenderaan yang melakukan pelbagai kesalahan termasuk lebih muatan, pelanggaran spesifikasi dan isu keselamatan jalan raya.

Difahamkan, penguat kuasa yang menahan lori perdagangan

di jalan raya akan dihipir ton-to sebelum wang rasuah diserahkan bagi mengelakkan kenderaan disita atau dibawa ke stesen timbang JPJ.

Jika sebelum ini habuan diberikan secara tunai, kini pembayaran dipercayai dibuat melalui pemindahan ke akaun tertentu yang dikawal tonto, termasuk akaun milik individu lain yang dipinjam atau dijual.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Ahmad Khusairi Yahaya, berkata kes dikesan menerusi Ops Middleman membuktikan kegiatan rasuah membabitkan orang tengah di negara ini sudah menjadi sistematik dan berstruktur.

Katanya, pembabitkan sindiket itu memberi kesan besar terhadap operasi penguatkuasaan su-sulan kebocoran maklumat mem-

babitkan segelintir anggota penguat kuasa.

Sementara itu, hanya Menteri Pengangkutan, Anthony Loke akan memberi maklum balas berhubung penahanan beberapa pegawai penguat kuasa JPJ dalam Ops Middleman, kelmarin.

Perkara itu disahkan oleh seorang pegawai tinggi JPJ kepada *BH*, semalam ketika diminta mengulas mengenai isu berkenaan.

Bellau juga berkata, JPJ sudah menerima maklumat daripada SPRM berhubung isu itu.

"Tiada maklum balas kepada pihak media kerana hanya menteri akan memberi penjelasan. Mungkin akan ada sidang akhbar dalam masa terdekat," katanya.

BH turut dimaklumkan, JPJ sedang mempersiapkan maklumat berkenaan isu itu kepada menteri.



BERITA HARIAN 26.02.2026 (KHAMIS)

DAP terus desak RCI siasat dakwaan 'mafia korporat'

Kuala Lumpur: DAP akan terus mendesak supaya sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ditubuhkan bagi menyasiat dakwaan 'mafia korporat' yang dilemparkan terhadap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) oleh *Bloomberg*.

Pengerusinya, Gobind Singh Deo, berkata meskipun SPRM menafikan dakwaan berkenaan sebagai tidak berasas, tindakan itu masih tidak memadai.

Berdasarkan prinsip asas keadilan, beliau menegaskan ia jelas menetapkan tiada sesiapa pun boleh menjadi hakim bagi menentukan kes sendiri.

"Apabila integriti agensi utama pencegahan rasuah negara dipersoal, pengesahan dikeluarkan oleh pihak itu sendiri tidak memadai. Ia tanpa sebarang tindakan lanjut, tidak banyak

membantu memulihkan keyakinan awam mahupun pelabur.

"Pendirian kami yang dinyatakan oleh Setiausaha Agung, Anthony Loke pada Selasa (lalu) adalah jelas. Apa yang diperlukan adalah satu siasatan yang bebas dan telus. Dakwaan yang dibangkitkan adalah bersifat khusus. Ia menamakan individu, syarikat serta merujuk kes-kes boleh dikenal pasti.

"Terdapat asas mencukupi untuk satu siasatan dimulakan dan pilihan terbaik adalah dengan menubuhkan RCI kerana ia mempunyai kuasa statutori yang diperlukan untuk menjalankan siasatan yang wajar dan



Gobind Singh Deo

bermakna berhubung perkara ini.

"Sama ada dakwaan tersebut benar atau tidak dan tindakan susulan yang perlu diambil, adalah perkara yang harus diputuskan oleh RCI," katanya.

Semalam, dua Ahli Parlimen kerajaan turut menggesa supaya pengawasan terhadap SPRM diperkukuh

su-sulan laporan mengenai kontroversi pemilikan saham membatikan Ketua Pesuruhjayanya, Tan Sri Azam Baki serta dakwaan salah laku dalam agensi itu.

Gesaan itu dibuat RSN Rayer (Jelutong) dan Hassan Abdul Karim (Pasar Gudang) selepas

Bloomberg melaporkan mengenai pegangan saham Azam dan menggambarkan dakwaan salah laku dalam SPRM yang dikaitkan dengan istilah 'mafia korporat'.

Hassan dari PKR mencadangkan jika RCI ditubuhkan, ia perlu dipengerusikan bekas Ketua Hakim Negara seperti Tun Tengku Maimun Tuan Mat.

Pesukan SPRM kekal bebas

Mengulas lanjut gesaan menubuhkan RCI, Gobind berkata, ia bukan soal mencari kesalahan atau menyalahkan mana-mana pihak, sebaliknya untuk memastikan SPRM kekal bebas daripada sebarang keraguan dan bersih daripada dakwaan boleh menjejaskan integriti atau kewibawaannya.

Beliau menegaskan penting

untuk memastikan langkah sewajarnya diambil untuk menanganinya kerana isu berkenaan menarik perhatian ramai sehingga ke luar negara.

"Ini juga bukan bertujuan untuk melemahkan SPRM, sebaliknya untuk memperkukuhkannya dengan menegaskan bahawa semua agensi yang diberi kuasa penyasiatan dan penguatkuasaan di negara ini sentiasa tertakluk kepada siasatan dan kedaulatan undang-undang.

"Pendirian kami kekal. Satu siasatan mesti dijalankan terhadap dakwaan yang dibuat. Siasatan itu wajar dilaksanakan melalui RCI yang dilengkapi dengan segala kuasa yang perlu bagi memastikan penyasiatan yang berkesan dan telus dapat dijalankan. Ia mesti dilakukan secepat mungkin," katanya.